



Melaka هاري اين  
**MELAKA HARI INI**  
*Mhi*

**MELAKA ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC)**  
Ingin tahu nombor telefon agensi kerajaan untuk sebarang bantuan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19? Sila hubungi ONCC di talian:  
**06-333 3333**  
(24 jam termasuk Sabtu dan Ahad)

**Di manakah 'harta karun' Pulau Nangka?** **18**

## Pilihan Raya Negeri Melaka

# Persiapaan bermula

- ✓ **Hari pengundian dijangka 28 Nov**
- ✓ **SPR bermesyuarat 18 Okt tetapkan tarikh penamaan calon, tarikh mengundi**
- ✓ **UMNO, BN akan bersidang tentu agihan kerusi dan kerjasama antara parti**
- ✓ **Rauf yakin pertahan kerusi DUN 'panas'**
- ✓ **Perikatan Nasional runding kerusi parti komponen dalam masa terdekat **2,3&4****

Melaka beralih fasa 4

6

MAIM sumbang 3,000 kit keperluan asas

7

Tuah jambu lohan

20



Rumah Contoh Sedia untuk Dikunjungi

**SCIENTEX**

BANDAR JASIN

Dibuka untuk Pendaftaran

Projek Terbaru

Harga daripada

**RM 180k\***

Rumah Teres 2 Tingkat

Hak Milik Kekal




**06-529 1088**

www.scientex.com.my

Peringkat: **SCIENTEX HEIGHTS SDN. BHD.**

194801002898 (170255-V)

Scientex Jasin: Pejabat Jualan Scientex Jasin, J/C 3499, Jalan Jasin Perdana 1, Taman Jasin Perdana, 77200 Bemban Melaka.



# UMNO yakin **pertahanan** DUN 'panas' - Ab Rauf



PILIHAN RAYA NEGERI  
MELAKA 2021

Rizanizam Abdul Hamid

**MASJID TANAH** – UMNO akan mempertahankan kerusi tradisinya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Udang dan Pantai Kundor pada Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, persiapan jentera di dua kawasan panas itu sudah diserahkan kepada Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu, Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad.

"Saya yakin UMNO Tangga Batu juga telah bersedia untuk melengkapkan jenteranya bagi menghadapi PRN terutama di Sungai Udang dan Pantai Kundor.

"Pastinya kawasan itu yang dimenangi oleh UMNO, UMNO akan mempertahankan kerusi tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian sidang media selepas program penyerahan komputer riba kepada UMNO Cawangan Masjid Tanah Kampung Pulau di sini 15 Okt lalu.

Hadir sama, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Mengulas lanjut mengenai pemilihan calon bagi menghadapi PRN Melaka, Ab Rauf berkata setakat ini UMNO Melaka belum menamakan sebarang calon bertanding sehingga tarikh PRN diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini (18 Okt).

"Itu belum lagi, kita akan perincikan setelah kita dapat kata putus. Calon (diputus) selepas SPR buat pengumuman, kita ada masa panjang untuk fikirkan soal calon.

"Belum diputuskan (sama ada calon muda) sehingga pihak perhubungan menerima cadangan dari-

pada bahagian untuk diperhalusi dan dibuat saringan. Belum ada (bahagian menghantar nama calon)," katanya.

Ditanya mengenai kerjasama UMNO dengan PAS bagi menghadapi PRN, beliau berkata jentera gerak kerja parti kini hanya dijalankan di peringkat UMNO dan tiada perkongsian dengan mana-mana parti lain.

"Kita jentera UMNO apa sahaja kita fikirkan kepentingan dan kekuatan UMNO dahulu, sebelum mengambil kira mana-mana parti UMNO mesti perkukuhkan kedudukan kekuatan parti itu dahulu baru kita lihat siapa juga bakal datang berunding untuk kita.

"Itu PAS saya tidak campur urusan parti, saya hanya menguruskan jentera UMNO untuk bersama-sama menghadapi PRN akan datang," tambahnya.

Sementara itu, pada mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Antarabangsa Kuala Lumpur (WTCKL) yang diadakan 14 Okt lepas, Ab Rauf memberitahu UMNO masih belum membuat keputusan berhubung PRN Melaka dan akan bermesyuarat sekali lagi selepas ini.

"Belum ada keputusan dicapai, kita akan mesyuarat sekali lagi," katanya.

Tambahnya, PRN menjadi fokus utama mesyuarat berkenaan, namun keputusan sama ada parti itu menjalin kerjasama bersama Perikatan Nasional (PN) yang dianggotai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan PAS masih belum dimuktamadkan.

Pada masa sama, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, mesyuarat majlis berkenaan tidak mencapai sebarang keputusan mengenai PRN Melaka selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan 4 Okt lalu.

Katanya, majlis berkenaan menunggu pengumuman dan keputusan SPR hari ini.

"MKT bincang mengenai PRN Melaka, kena tunggu keputusan SPR," katanya.



AB Rauf

## Kenyataan Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Ahmad Maslan selepas Mesyuarat MKT UMNO pada 14 Okt

Foto sumber : UMNO Online



**1. Mesyuarat bulanan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO yang diadakan pada 14 Okt di Menara Dato' Onn Pusat Dagangan Antarabangsa Kuala Lumpur (WTCKL), telah membincangkan antara lain mengenai Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.**

**2. Adalah diarahkan agar jentera parti di setiap peringkat membuat persiapan yang rapi bagi menghadapi PRN ini dengan menuruti prosedur operasi standard (SOP) yang akan ditetapkan oleh SPR.**

**3. MKT juga mengesahkan pengguguran keahlian UMNO terhadap Datuk Seri Utama Idris Haron dan Datuk Nor Azman Hassan yang sebelum itu adalah ahli di Bahagian Tangga Batu, Melaka.**

**4. Mulai 15 Okt 2021 hingga 30 Nov 2021 Persidangan UMNO Cawangan akan diadakan di 191 Bahagian. Adalah diharapkan agar mesyuarat Cawangan, Wanita, Pemuda dan Puteri dapat berjalan lancar dengan mengikuti SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

**5. MKT turut menyokong keputusan yang dibuat oleh kerajaan baru-baru ini berhubung penubuhan Jawatankuasa Khas siasatan kes kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib; semakan semula berkenaan kes Pulau Batu Puteh dan siasatan mengenai dakwaan terhadap bekas Peguam Negara, Tommy Thomas.**

# Tarikh PRN Melaka diumumkan hari ini



PILIHAN RAYA NEGERI  
MELAKA 2021

Meor Riduwan Meor Ahmad

AYER KEROH – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dijangka mengumumkan ta-

rikh mengundi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, hari ini (18 Okt).

Menurut sumber, pengundi Melaka dijangka mengundi pada 28 Nov depan.

Setiausaha SPR Datuk Ikmalrudin Ishak berkata Mesyuarat Khas Urusan PRN Melaka ke-15 itu akan diadakan di sebuah hotel di Melaka Raya.

"Mesyuarat khas tersebut akan di-

pengerusikan oleh Pengerusi SPR Datuk Abdul Ghani Salleh bagi membincangkan tarikh-tarikh penting PRN Melaka.

"Ia termasuk Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian dan Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya itu," katanya dalam satu kenyataan.



ABDUL Ghani

## Rundingan kerusi parti komponen PN akan dimuktamadkan - Hamzah



HAMZAH

**KUALA LUMPUR** - Rundingan kerusi antara semua parti komponen Perikatan Nasional (PN) bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat, kata Setiausaha Agung Bersatu Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Hamzah berkata Ketua Badan Pimpinan Bersatu Melaka Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen yang juga Pengerusi PN Negeri telah mengatur strategi untuk menggerakkan seluruh kekuatan jentera akar umbi parti bersama parti-parti komponen bagi menghadapi PRN itu.

Beliau berkata Bersatu dan parti-parti komponen PN akan terus meningkatkan pelaksanaan program-program 'outreach' sedia ada di semua 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka bagi menyantuni penduduk antaranya inisiatif Gerai Prihatin Rakyat yang mendapat sambutan baik.

Selain itu, Hamzah berkata Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu semalam telah membincangkan persiapan parti tersebut bagi menghadapi PRN Melaka.

"Dalam hal ini, Bersatu bersedia untuk menghadapi PRN Melaka dengan melakukan persiapan sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan pada 15 Okt lepas. - BERNAMA



RAFIQ

## Majlis Presiden PH tolak Sulaiman KM Caretaker

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** – Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) menolak pelantikan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sebagai Ketua Caretaker meskipun perkara itu dijelaskan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Dalam kenyataan rasminya pada 12 Okt lepas, Majlis Presiden PH meneliti kenyataan SUK pada 11 Okt lalu mengenai penamaan Sulaiman sebagai Ketua Menteri Melaka bagi memimpin kerajaan sementara negeri ini.

Katanya, dalam kenyataan itu, SUK mengakui Perlembagaan Negeri tidak memperuntukkan fungsi dan peranan Kerajaan Caretaker sekali gus merujuk konvensyen sistem demokrasi berparlimen di negara-negara Komanwel.

"Penting ditegaskan bahawa PH menolak pembubaran DUN (Dewan Undangan Negeri) sebagai tidak berperlembagaan taktala negeri Melaka masih menghadapi wabak COVID-19 dan adanya gabungan parti yang mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Undangan Ne-

geri (ADUN).

"Oleh demikian PH menolak penamaan Sulaiman selaku Ketua Menteri 'caretaker' Melaka kerana beliau telah jelas hilang sokongan majoriti ADUN sebelum DUN negeri dibubarkan serta tidak lagi mampu mengetuai Kerajaan Negeri Melaka," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, perbincangan antara SUK dan blok majoriti yang diketuai Adly Zahari bersama Datuk Seri Utama Idris Haron dan blok minoriti diketuai Sulaiman perlu diadakan terlebih dahulu sebelum menamakan sesiapa untuk memegang jawatan itu.

"Malah, seperti yang berlaku di Perak pada 2009 mahu pun Melaka itu sendiri pada 2020, seharusnya blok majoriti diberi peluang mengetuai pentadbiran negeri," jelas kenyataan itu.

Kenyataan media secara bersama itu dikeluarkan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Haraqah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.  
18 Oktober 2021 - 24 Oktober 2021 ( 11 Rabiul Awal 1443H - 17 Rabiul Awal 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18 OKTOBER 2021	5.46 am	6.55 am	12.59 pm	4.15 pm	6.59 pm	8.09 pm
19 OKTOBER 2021	5.46 am	6.55 am	12.59 pm	4.15 pm	6.59 pm	8.09 pm
20 OKTOBER 2021	5.46 am	6.55 am	12.58 pm	4.15 pm	6.59 pm	8.09 pm
21 OKTOBER 2021	5.46 am	6.55 am	12.58 pm	4.15 pm	6.59 pm	8.09 pm
22 OKTOBER 2021	5.46 am	6.54 am	12.58 pm	4.15 pm	6.59 pm	8.09 pm
23 OKTOBER 2021	5.45 am	6.54 am	12.58 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
24 OKTOBER 2021	5.45 am	6.54 am	12.58 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm

# Jangan kaitkan isu kaum dalam polemik politik – Mahadevan



Norizan Muhid

**AYER KEROH** – Ketua masyarakat India, Cina dan Portugis di negeri ini kesal dengan dakwaan seorang individu menerusi rakaman audio tular yang mengaitkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersikap ‘pilih kasih’ dalam pentadbirannya.

Pengerusi Badan Perhubungan MIC negeri, Datuk Wira MS Mahadevan berkata, sekiranya benar suara itu milik Datuk Seri Utama Idris Haron seperti didakwa, tidak wajar bekas Ketua Menteri itu mengaitkan isu kaum dengan kekecohan politik kini.

Menurutnya, sepanjang menjadi Ketua Menteri dan berdepan cabaran pandemik COVID-19, Sulaiman tidak pernah menegtepi kepentingan kaum India, Cina mahu pun Portugis dan Chetti.

“Dakwaan itu amat bercanggah kerana kebajikan masyarakat India sentiasa mendapat perhatian Sulaiman sepanjang mentadbir negeri.

“Saya ketika itu Setiausaha Khas Perhubungan Masyarakat kepada beliau dan

pada bila-bila masa boleh berjumpanya jika ada isu masyarakat India yang perlu dibincangkan.

“Berbanding Idris, hal-hal berkaitan kaum India jauh berbeza. Walaupun saya ketika itu EXCO, mahu berjumpa beliau perlu buat janji temu.

“Walaupun Idris panggil saya uncle (pak cik), bukan senang nak berunding dengan beliau,” katanya ketika dihubungi MHI.

Beliau mengulas kenyataan Sulaiman yang menegaskan bahawa pentadbiran kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN) sentiasa mengambil berat kebajikan kaum di negeri ini.

Menurut Mahadevan, beliau lebih mudah dan selesa membincangkan sebarang isu masyarakat pelbagai kaum dengan Sulaiman berbanding Idris yang dilihat lebih gemar mendapatkan pandangan pihak lain.

“Saya lebih mudah dan selesa bertemu



MAHADEVAN



FUAN Juan



MARINA

Sulaiman dan berbincang dengan seperti ‘abang dengan adik’ kerana beliau mesra dengan semua kaum.

“Beliau sendiri akan berjumpa dengan masyarakat Portugis dan Chetti. Jadi, tidak elok individu terbabit dakwa Sulaiman tidak selesaikan isu kaum India,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat Cina Ketua Menteri Melaka, Yong Fuan Juan berkata, masyarakat Cina termasuk pertubuhan perniagaan dan persatuan tokong mudah menyuarakan apa sahaja isu dihadapi kepada Sulaiman.

“Pada waktu pandemik, masa agak terhad, jadi kalau tidak sempat berbincang di pejabat, beliau akan pelawa mereka ke kediamannya.

“Berbanding ketua menteri sebelum itu, waktu berurusan hanya sehingga 5 petang...rakyat boleh nilaikan sendiri,” katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) Perkampungan Portugis, Marina Danker berkata, Sulaiman sentiasa memenuhi jemputan penduduk untuk merayakan perayaan di kampung itu.

“Dalam pertemuan atau dialog dengan penduduk, apa sahaja pertanyaan beliau akan segera respon, misalnya berkaitan pembaharuan lanjutan tempoh berkaitan tanah.

“Semasa Perkampungan Portugis dilanda COVID-19, Sulaiman amat mengambil berat keadaan penduduk, dan saya amat menghargai segala keperihatinannya,” katanya.

## Pesuruhjaya PAS Melaka sahkan bertanding DUN Duyong

Muhd Rizanizam

**AYER KEROH** – Pesuruhjaya PAS Melaka, Datuk Kamarudin Sidek mengesahkan akan kembali bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Calon kerusi sama pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) itu berkata, perbincangan telah diadakan bersama UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dalam usaha menolak Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan.

“PAS akan memainkan peranan



KAMARUDIN

pada PRN Melaka untuk menentukan kuasa Melayu ini berpihak kembali kepada Melayu. Itu harapan PAS sekarang ini, bagaimanapun berbincangan (kerusi) masih berjalan selagi mana tidak berlaku hari penamaan calon.

“Saya cakap realitinya (DUN) Duyong antara sasaran kita sebab memang saya dah bertanding di situ dan saya terus buat kerja selepas PRU-14.

“Setakat ini, perbincangan Bersatu dan UMNO, Duyong antara keutamaan kita pertahankan. Insya-Allah, (saya) akan buat (comeback),”

katanya ketika dihubungi MHI di sini pada 11 Okt lepas.

Pada PRU-14, Kamarudin memperoleh 2,930 undi dalam saingan tiga penjurua menyaksikan DUN Duyong dimenangi DAP, Damian Baba Yeo yang memperoleh 7,642 undi sekali gus turut menewaskan calon MCA, Lee Kiat Lee (4,747 undi.)

Ditanya, keyakinan PAS yang menjadi ‘king maker’ memastikan pengundinya memberi sokongan kepada calon PN, Naib Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Melaka itu berkata, fokus utama adalah mengelakkan pertembungan tiga penjurua.

“Mengelakkan pertembungan tiga penjurua itu adalah jalan paling selamat untuk Melayu mempunyai kuasa politik yang besar di Melaka

“Kalau ini dapat dibincangkan, kemenangan PN boleh lebih daripada dua pertiga majoriti,” katanya.

Untuk rekod, pada PRU-14, PAS berdepan saingan tiga penjurua bersama BN, DAP, PKR dan Amanah di enam DUN berkenaan iaitu Gadek, Durian Tunggal, Klebang Duyong, Telok Mas dan Bemban yang menyaksikan semua kerusi dimenangi calon PH (DAP, Amanah, PKR).

## ‘Saya seorang sahaja bersuara serak di Melaka?’ – Jailani

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** – Exco Pelancongan, Datuk Muhammad Jailani Khamis menegaskan dirinya enggan melayan segala spekulasi politik termasuk isu rakaman audio yang dikatakan mirip suaranya tular sejak 12 Okt lalu.

Beliau yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia berkata, fokusnya pada masa kini adalah untuk terus bekerja sebagai Exco yang dipertanggungjawab terutama dalam membantu fasa pemulihan pandemik COVID-19 di negeri ini.

“Saya seorang sahaja ke

yang bersuara serak di Melaka ini? Ia spekulasi.

“Saya tak nak bercakap tentang spekulasi dan saya tak nak layan khabar angin. Maaf cakap.

“Saya dah beritahu fokus utama kita ialah untuk terus bekerja dan memfokuskan kepada pemulihan negeri, yang lain saya tak nak ambil tahu,” katanya dalam sidang media pada 13 Okt lepas.

Baru-baru ini, satu rakaman perbualan telefon berdurasi 8 minit 21 saat didakwa mirip suara Muhammad Jailani dan bekas ADUN Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee bercakap mengenai per-

kembangan politik Melaka tular di media sosial.

Bagaimanapun masih tiada pengakuan dibuat mana-mana pihak berhubung isu itu buat masa ini.

Dalam pada itu, mengulas mengenai Pilihan Raya Negeri (PRN), Muhammad Jailani menyifatkan ia waktu tepat untuk rakyat Melaka memilih wakil rakyat terbaik untuk mentadbir negeri ini.

Beliau berkata, segala-galanya kini terpulung kepada rakyat sama ada mahukan pemimpin yang gemar berpolitik atau mereka yang ikhlas mahu bekerja.



JAILANI

# Kedudukan kerusi DUN Melaka setakat 15 Oktober

## PERIKATAN NASIONAL



<p><b>N01 KUALA LINGGI</b></p>  <p><b>Datuk Wira Ar. Ismail Othman (UMNO)</b> Bilangan undi : 4,812 Majoriti : 1,372</p>	<p><b>N02 TANJUNG BIDARA</b></p>  <p><b>Datuk Wira Md Rawi Mahmud (UMNO)</b> Bilangan undi : 4,865 Majoriti : 2,864</p>	<p><b>N03 AYER LIMAU</b></p>  <p><b>Datuk Wira Amirudin Yusof (UMNO)</b> Bilangan undi : 4,704 Majoriti : 1,479</p>	<p><b>N04 LENDU</b></p>  <p><b>Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (UMNO)</b> Bilangan undi : 4,016 Majoriti : 627</p>	<p><b>N05 TABOH NANING</b></p>  <p><b>Datuk Wira Latipah Omar (UMNO)</b> Bilangan undi : 3,329 Majoriti : 740</p>	<p><b>N06 REMBIA</b></p>  <p><b>Datuk Muhammad Jailani Khamis (UMNO)</b> Bilangan undi : 6,773 Majoriti : 1,814</p>	<p><b>N10 ASAHAN</b></p>  <p><b>Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan (UMNO)</b> Bilangan undi : 5,942 Majoriti : 275</p>	<p><b>N27 MERLIMAU</b></p>  <p><b>Datuk Roslan Ahmad (UMNO)</b> Bilangan undi : 5,290 Majoriti : 130</p>	<p><b>N28 SUNGAI RAMBAI</b></p>  <p><b>Datuk Wira Hasan Abd Rahman (UMNO)</b> Bilangan undi : 5,088 Majoriti : 1,669</p>
--	--	--	--	---	--	--	---	---

## PAKATAN HARAPAN



<p><b>N07 GADEK</b></p>  <p><b>G. Saminathan (DAP)</b> Bilangan undi : 4,392 Majoriti : 307</p>	<p><b>N08 MACHAP JAYA</b></p>  <p><b>Ginie Lim Siew Lin (PKR)</b> Bilangan undi : 5,550 Majoriti : 1,336</p>	<p><b>N09 DURIAN TUNGGAL</b></p>  <p><b>Datuk Sofi Abdul Wahab (Amanah)</b> Bilangan undi : 5,213 Majoriti : 763</p>	<p><b>N14 KLEBANG</b></p>  <p><b>Gue Teck (PKR)</b> Bilangan undi : 7,648 Majoriti : 789</p>
<p><b>N16 AYER KEROH</b></p>  <p><b>Kerk Chee Yee (DAP)</b> Bilangan undi : 14,279 Majoriti : 9,261</p>	<p><b>N17 BUKIT KATIL</b></p>  <p><b>Adly Zahari (Amanah)</b> Bilangan undi : 11,226 Majoriti : 3,159</p>	<p><b>N19 KESIDANG</b></p>  <p><b>Alex Seah Shoo Chin (DAP)</b> Bilangan undi : 22,880 Majoriti : 14,612</p>	<p><b>N20 KOTA LAKSAMANA</b></p>  <p><b>Low Chee Leong (DAP)</b> Bilangan undi : 20,181 Majoriti : 16,173</p>
<p><b>N21 DUYONG</b></p>  <p><b>Damian Yeo Shen Li (DAP)</b> Bilangan undi : 7,642 Majoriti : 2,895</p>	<p><b>N22 BANDA HILIR</b></p>  <p><b>Datuk Tey Kok Kiew (DAP)</b> Bilangan undi : 14,038 Majoriti : 11,313</p>	<p><b>N.24 BEMBAN</b></p>  <p><b>Datuk Wong Fort Pin (DAP)</b> Bilangan undi : 6,998 Majoriti : 1,345</p>	

<p><b>N13 PAYA RUMPUT</b></p>  <p><b>Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen (Bersatu)</b> Bilangan undi : 12,102 Majoriti : 4,259</p>	<p><b>N18 AYER MOLEK</b></p>  <p><b>Datuk Rahmad Mariman (UMNO)</b> Bilangan undi : 6,951 Majoriti : 1,805</p>	<p><b>N25 RIM</b></p>  <p><b>Datuk Wira Ghazale Muhamad (UMNO)</b> Bilangan undi : 5,301 Majoriti : 536</p>	<p><b>N26 SERKAM</b></p>  <p><b>Datuk Zaidi Atan (UMNO)</b> Bilangan undi : 6,401 Majoriti : 2,737</p>
--	--	---	--

## BEBAS

<p><b>N11 SUNGAI UDANG</b></p>  <p><b>Datuk Seri Utama Idris Haron</b> Bilangan undi : 10,073 Majoriti : 2,229</p>	<p><b>N12 PANTAI KUNDOR</b></p>  <p><b>Datuk Nor Azman Hassan</b> Bilangan undi : 5,773 Majoriti : 772</p>
<p><b>N15 PENGKALAN BATU</b></p>  <p><b>Datuk Norhizam Hassan Baktee</b> Bilangan undi : 9,227 Majoriti : 2,756</p>	<p><b>N23 TELOK MAS</b></p>  <p><b>Datuk Noor Effandi Ahmad</b> Bilangan undi : 7,694 Majoriti : 1,288</p>



SULAIMAN (tengah) bersama Ismail (kiri) dan Zailee (kanan) ketika menyempurnakan perasmian Majlis Pelancaran OSHMP 2025 sempena sambutan Minggu KKP 2021 Peringkat Negeri Melaka, pada 14 Okt lepas.

## Majikan, pekerja perlu tingkatkan keselamatan dan kesihatan - Sulaiman

**SELEPAS** hampir 10 bulan tidak dibenarkan bekerja, majikan dan pekerja pelbagai sektor perlu meningkatkan semula kualiti keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) bagi memastikan tempat kerja selamat dan sihat untuk melindungi modal insan.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, bagi meningkatkan kualiti itu, kerajaan negeri mengalu-alukan pelbagai latihan mahupun program yang berkaitan KKP dianjurkan di negeri ini.

Katanya, program seumpama itu sekali gus dapat membantu

pekerja mengingati semula tatacara atau garis panduan keselamatan di tempat kerja masing-masing.

"Saya menyambut baik program seumpama ini berikutan dalam tempoh negara menjalani Pelan Pemulihan Negara (PPN) banyak industri telah dibenarkan menjalankan operasi.

"Sudah pasti, ia memberikan ingatan yang segar kepada pekerja apabila sudah mula masuk ke pejabat mahupun di lapangan kerana mereka perlu mematuhi aspek keselamatan sebagaimana ditetapkan," katanya.

# Melaka beralih fasa 4 hari ini

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KUALA LUMPUR** – Melaka beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula hari ini.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam satu kenyataan pada 15 Okt lepas.

Selain Melaka, turut beralih ke Fasa 4 ialah negeri-negeri Lembah Klang iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan kesemua negeri yang berada di Fasa 2 PPN beralih ke Fasa 3 hari ini.

Negeri-negeri itu ialah Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah.

"Peralihan fasa ini mengikut garis panduan yang ditetapkan PPN dan peratusan kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa.

"Dengan peralihan fasa-fasa



ISMAIL Sabri

bagi negeri yang dinyatakan, negara Malaysia secara keseluruhannya kini beralih ke Fasa 3," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2025 (OSHMP 2025) sempena sambutan Minggu KKP 2021 Peringkat Negeri Melaka di sini, pada 14 Okt lepas.

Mengenai program berkenaan, Sulaiman berkata, lebih 800 peserta terbabit secara fizikal dan dalam talian.

"Jadi, saya harap program melalui webinar itu akan dapat dimanfaatkan, sekali gus diguna pakai ketika bertugas di lapangan atau di pejabat nanti," katanya.

## 30,000 pelancong dijangka kunjungi Melaka setiap hari – Jailani

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** – Kira-kira 30,000 pelancong dijangka mengunjungi negeri ini setiap hari susulan kerajaan membenarkan aktiviti merentas negeri bermula 11 Okt lalu khusus bagi Keluarga Malaysia lengkap divaksin.

Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, sejak 15 Okt lepas, jumlah kenderaan direkodkan keluar masuk ke Melaka semakin banyak di pintu masuk utama negeri iaitu di Plaza Tol Ayer Keroh, Simpang Ampat (Alor Gajah) dan Jasin.

"Kita sasarkan kali ini sekitar 20,000 hingga 30,000 pengunjung sehari. Kalau kita lihat kenderaan yang masuk hari ini (15 Okt) dah mula sesak.

"Kita harap sasaran itu dicapai, biasanya pelancong ke Melaka boleh capai 60,000 hingga 80,000 sehari pada 'peak season' manakala hari biasa 40,000 hingga 50,000 sehari. Ini yang kita rekodkan pada 2019.

"Tapi tahun ini kalau dapat 30,000 pengunjung pun kita dah syukur. Paling tidak pun hotel-hotel dah boleh beroperasi dan peniaga kecil dapat menjana pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Sambutan Ketibaan Pelancong Ke Negeri Melaka Sempena Kebenaran Merentas Negeri di Plaza Tol Ayer Keroh, pada 15 Okt lepas.



JAILANI (kiri) menyampaikan cenderahati kepada pengunjung yang memasuki pintu masuk utama ke Melaka di Plaza Tol Ayer Keroh pada 15 Okt lepas.

# Ringan beban pesakit COVID-19 MAIM sumbang 3,000 kit keperluan asas

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** – Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menyumbangkan 3,000 kit keperluan asas bagi meringankan beban pesakit COVID-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) MITC.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Wira Md Rawi Mahmud berkata, sebanyak RM186,000 diperuntukkan bagi tujuan itu yang mula diedarkan di PKRC MITC bermula Ogos lalu.

Katanya, bantuan kit itu disalurkan secara berperingkat sehingga hujung tahun ini dan ia akan diteruskan sekiranya terdapat keperluan atau pertambahan jumlah pesakit COVID-19 di PKRC berkenaan.

"Setakat ini, kita sudah menyumbangkan 1,650 kit keperluan asas ini di PKRC MITC dan sumbangan ini akan diteruskan sehingga hujung tahun.

"Kita berharap sumbangan ini dapat memberikan kemudahan kepada pesakit kerana kita tahu ada juga yang dikuarantin tidak berkemampuan untuk membawa keperluan asas sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan 550 kit keperluan asas untuk bulan ini di PKRC berkenaan.

Hadir sama, Setiausaha MAIM Muhammad Ikram Ibrahim dan Pengarah PKRC MITC, Dr. Abdul Karim Abdul Rahman.



**MD RAWI (dua kanan) menyempurnakan gimik penyerahan sumbangan kit keperluan asas kepada Dr. Abdul Karim untuk diberikan kepada pesakit COVID-19 yang menjalani kuarantin di PKRC MITC**

Dalam pada itu, Md Rawi berkata, selain bantuan kepada PKRC, pihak MAIM turut bergerak aktif menyalurkan sumbangan kit makanan kepada rakyat Melaka yang terkesan sejak pandemik COVID-19 melanda.

Menurut beliau, sebanyak 24,000 kit makanan kering telah disediakan sepan-

jang tempoh ini yang disalurkan terus ke pejabat JAPERUN, masjid dan persatuan penduduk.

"Selain itu, orang ramai juga boleh datang terus ke bilik gerakan MAIM sekiranya menghadapi kesukaran dan memerlukan sumbangan kit makanan sepanjang tempoh ini," katanya.

## Empat PPV masih aktif di Melaka

Faiz Hasan

**AYER KEROH** – Sebanyak empat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) direkodkan masih aktif membabitkan tiga daerah di negeri ini.

Exco Kesihatan, Datuk Rahmad Mariman berkata satu PPV aktif di Melaka Tengah, manakala tiga di Jasin.

Jelasnya, bagi daerah Melaka Tengah, hanya PPV Encore di Klebang yang beroperasi dan akan berakhir pada 2 Nov depan.

"Bagi Jasin, ketiga-tiga PPV di daerah itu iaitu di Dewan Hj Ahmad Ithnin, Merlimau; Dewan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Sri

Umbai dan Dewan Alamanda akan berakhir pada 27 Okt ini," katanya kepada MHI.

Sementara itu, Rahmad berkata pihaknya menerima 10 permohonan bas bergerak untuk ditempatkan di sekolah-sekolah terpilih di Melaka Tengah dan Jasin untuk Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) 2.0 bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Jelasnya, empat sekolah menjalankan MOVAK 2.0 di daerah Alor Gajah dan enam di Melaka Tengah bermula 13 hingga 27 Okt.

"Manakala bagi daerah Jasin, ia akan dijalankan di PPV yang masih aktif di daerah itu," katanya.



**RAHMAD**

## Norhizam sorok kereta?

Fiqa Jamal

**BUKIT BERUANG** – Polis akan menjalankan siasatan lanjut bagi mengetahui bagaimana kereta rasmi kerajaan negeri dikhaskan untuk Datuk Norhizam Hassan Baktee diletakkan di parkir Aras 3 Parkland Residence, di Jalan Tun Perak, dekat sini.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, rampasan kereta Toyota Camry itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri pada jam 11.20 pagi, 12 Okt lalu, berdasarkan waran mahkamah.

Katanya, proses rampasan itu disaksikan oleh pemandu rasmi Norhizam yang juga bekas Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu.

"Siasatan lanjut akan dijalankan untuk mengetahui bagaimana kereta MAL 3 boleh diletakkan di tempat letak kereta Parkland Residence tersebut serta kaitannya dengan pemilik lot parkir kereta itu.

"Polis juga merampas satu anak kunci kereta, kad prabayar 'touch n go', dan kad minyak daripada lelaki itu dan proses rampasan berjalan dengan lancar," katanya pada sidang media di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, di sini, pada 13 Okt lepas.

Abdul Majid berkata, rampasan dibuat selepas Norhizam gagal memulangkan kereta itu biarpun surat arahan mengenainya dikeluarkan ketua penolong setiausaha kanan kerajaan negeri pada 5 Okt lalu dan diserahkan kepada pegawai khususnya.

Katanya, polis sebelum itu menerima laporan kenderaan rasmi itu tidak dipulangkan oleh Norhizam daripada seorang kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Ekoran laporan itu, pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, IPK negeri membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan (KK) iaitu kesalahan menyalahgunakan harta secara tidak jujur.

"Setakat ini, seramai lima saksi telah dirakam percakapan bagi membantu siasatan kes terdiri daripada kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lebih ramai saksi akan dipanggil bagi membantu siasatan termasuk Norhizam," katanya.

Abdul Majid berkata, Seksyen 403 KK menyatakan sesiapa dengan curang menyalahgunakan atau menjadikan bagi kegunaan sendiri atau menyebabkan mana-mana orang melupuskan apa-apa harta boleh dihukum penjara minimum enam bulan dan maksimum lima tahun dan sebat serta denda.



**DAK MAT**

### Bila tarikh PRN Melaka?



**HARI** ini Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dijadual bermesyuarat di sebuah hotel di Melaka Raya.

Seperti dilaporkan mesyuarat itu akan memutuskan bermacam perkara berkaitan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Tapi yang dinanti-nanti oleh orang ramai sudah tentu mengenai tarikh sebenar PRN selepas DUN Melaka dibubarkan 4 Oktober lalu.

Bukan saja pemimpin politik, malah rakyat jelata juga nak tahu. Bagi parti politik ia penting bagi merencana strategi untuk memenangi pilihan raya.

Bagi rakyat Melaka pula inilah tarikh keramat bakal dilalui mereka jika PRN diadakan buat julung kalinya.

Apapun Mat yakin penduduk negeri ini cukup rasional untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Bukan saja memilih wakil rakyat, apa juga pilihan mereka bakal menentukan kerajaan baharu yang akan mentadbir negeri kelak.

**Dak Mat:** Lahir di Perak, mengundi di Selangor

### Melaka sasar sejuta pelancong menjelang Disember

**SASARAN** sejuta pelancong mengunjungi Melaka menjelang akhir tahun ini bagi Mat amat relevan.

Biarpun tersasar daripada sasaran awal 5.6 juta pelancong, jumlah itu dijangka mampu dicapai dalam tempoh lebih dua bulan ini.

Dengan kepelbagaian produk pelancongan termasuk keunikannya Menara Taming Sari, Zoo Melaka dan Melaka River Cruise serta pantai peranginan, tidak hairan negeri ini terus menjadi tumpuan pelancong.

Pada Jumaat lalu juga buat julung kalinya kerajaan negeri menerusi Bahagian Promosi Pelancongan mengadakan upacara menyambut kembali pelancong di semua pintu masuk ke negeri ini.

Ikut kata Exco Pelancongan, Datuk Muhammad Jailani Khamis dianggarkan 30,000 pelancong akan memasuki negeri bersejarah ini setiap hari sejak kerajaan membenarkan aktiviti rentas negeri.

Berita ini sememangnya dinantikan setelah sekian lama sekatan rentas negeri dikenakan hingga menyebabkan sektor pelancongan negeri hampir 'lumpuh'.

Perlu diingat keistimewaan ini khusus bagi mereka yang melengkapkan dua dos vaksin. Jadi mereka yang antivaksin 'bye-bye'.

Jika berdegil dan curi-curi rentas negeri, salah langkah boleh disaman oleh pihak polis akan buat pemeriksaan secara rawak di lokasi tumpuan.

**Dak Mat:** Selamat melancong ke Melaka

### Gubal semula Akta Antiberita Tidak Benar

**PELBAGAI** isu melingkari politik negara dengan terbaru penyebaran beberapa rakaman perbualan telefon dikaitkan dengan pemimpin tanah air, amat membimbangkan.

Perkembangan ini amat tidak sihat dan dilihat semakin menjadi-jadi menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Mat tidak mahu mengulas panjang, tapi berharap hal ini dipandang serius oleh pihak berwajib.

Bagi Mat tidak hairan mengapa ada pihak mengusulkan agar Parlimen mempertimbangkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 digubal semula selepas dimansuhkan pada 16 Ogos 2018.

Sewajarnya akta ini dikembalikan berikutan Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan Kanun Keseksaan dikatakan cukup untuk memberantas berita palsu.

Isu berita palsu seperti ini tidak pernah selesai, malah lebih dahsyat ketika negara menghadapi pandemik COVID-19. Kesannya amat buruk bukan saja kepada individu terbabit, malah negara.

**Dak Mat:** Berani kerana benar, takut kerana salah



# Melaka negeri pertama MOVAK 2.0

Farah Suhaidah Othman  
FOTO MR Azli

**TELOK MAS** — Melaka menjadi negeri pertama pelaksanaan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) 2.0 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, Datuk Azhar Ahmad berkata, menerusi program berkenaan pihaknya menyediakan 12 buah bas bagi keseluruhan 10 lokasi di Melaka, iaitu enam di daerah Alor Gajah dan empat lagi di Melaka Tengah.

Katanya, seramai 200 kakitangan termasuk sukarelawan Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) dan kakitangan anak syarikat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ProtecHealth Corporation Sdn Bhd terlibat dalam program terbabit.

"Untuk MOVAK 2.0 ini, fokus kita kepada pelajar berusia 12 hingga 17 tahun, jadi Melaka adalah negeri pertama pelaksanaannya," katanya ketika ditemui MHI di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Temu, di sini, pada 13

Okt lalu.

Hadir sama, Pengarah Pendidikan Negeri, Dr. Mohd Azam Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Nazri Md Shariff.

Mengulas lanjut, Azhar berkata program sama akan diperluaskan ke negeri lain bagi membantu kerajaan mempercepatkan program imunisasi dalam kalangan remaja.

"Kita akan 'engage' dengan negeri lain untuk melaksanakan program sama kerana kita mahu membantu bagi meringankan beban kerajaan menangani COVID-19.

"Jadi kita sedang bekerjasama dengan negeri lain untuk sama-sama menyambut inisiatif kita ini demi mempercepatkan lagi program vaksinasi dalam kalangan remaja," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan KPKT merancang untuk melaksanakan Program MOVAK 2.0 susulan kejayaan MOVAK 1.0 yang memperuntukkan sebanyak 84,868 dos suntikan bermula 23 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Dr Ismail Abd Mutalib dilaporkan berkata, KPKT membelanjakan RM3.4 juta bagi pelaksanaan MOVAK 1.0 yang memfokuskan pemberian vaksin golongan sasaran.



**AZHAR (kanan) menandatangani plak perasmian pada majlis pelancaran Pusat Vaksinasi program MOVAK bagi sekolah daerah Melaka Tengah 2021 di SMK Padang Temu, pada 13 Okt lepas.**

## 60,000 remaja di Melaka selesai vaksin 27 Okt ini

**SERAMAI** 60,000 remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun di negeri ini dijangka selesai divaksin melalui Program MOVAK 2.0 di bawah KPKT pada 27 Okt ini.

Datuk Azhar Ahmad berkata, pihaknya bekerjasama dengan kerajaan negeri dan beberapa agensi termasuk Jabatan Kesihatan (JKN), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) untuk mempercepatkan program vaksinasi dalam kalangan remaja.

"Fokus MOVAK 2.0 ini adalah bertumpu kepada pelajar sekolah, jadi untuk hari pertama program berkenaan seramai 600 pelajar menerima suntikan vaksin dos kedua berikutan dos pertama sudah diterima di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam di negeri ini.

"Memandangkan banyak PPV awam di negeri ini sudah ditutup, kita mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri untuk menjayakan program ber-

kenaan bagi mempercepatkan program imunisasi rakyat di Melaka," katanya.

Mengulas lanjut, Azhar berkata program berkenaan dijangka akan dilaksanakan selama 10 hari bermula 13 sehingga 27 Okt ini.

"Program MOVAK 2.0 akan dilaksanakan di enam lokasi di daerah Melaka Tengah bermula hari ini (13 Okt) hingga 23 Okt, manakala pada 18 Okt nanti akan dilaksanakan di daerah Alor Gajah sehingga 27 Okt ini.

"Jadi keseluruhannya, seramai 60,000 pelajar atau golongan remaja ini akan mendapat suntikan dos kedua.

"Jadi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad dan semua agensi terlibat yang memberikan kerjasama meskipun persediaannya agak rumit namun hari ini semua berjalan lancar," katanya.



**SALAH seorang peserta vaksinasi, Muhammad Danish Fahmi Abdul Rahim, 17, (kiri) menerima suntikan vaksin dalam majlis itu.**

## Remaja teruja divaksin, mahu rasa lebih selamat

"**SAYA** memang teruja untuk mendapatkan vaksin sejak kerajaan benarkan remaja umur bawah 18 tahun divaksin kerana boleh 'dine-in' dan mahu rasa selamat."

Itu kata pelajar Tingkatan Lima Kolej Vokasional Melaka Tengah, Adriana Natasha Jufri, 17, ketika ditemui pada Program MOVAK 2.0 di SMK Padang Temu, pada 13 Okt lepas.

Dia antara 60,000 remaja berusia 12 hingga 17 tahun di negeri ini yang menerima suntikan dos kedua dalam program berkenaan.

Katanya, dia tidak sabar menunggu tempoh matang selama dua minggu yang membolehkan pelbagai keistimewaan dinikmati termasuk memasuki premis belah-belah dan makan di restoran.

"Hari ini (13 Okt) saya

bangun awal pagi sebab mendapat tarikh sama dengan adik yang berusia 16 tahun untuk dos kedua vaksin hari ini," katanya.

Bagi Nazmi Aiman Johari, 17, yang menuntut di kolej sama berkata, sebaik kerajaan mengumumkan kebenaran menerima vaksin bagi remaja di bawah umur 18 tahun, dia terus mendaftarkan diri dalam MySejahtera.

"Saya mahu ambil vaksin sebab mahu rasa selamat pergi ke sekolah selain boleh makan secara 'dine-in' di kedai," katanya.

Sementara itu, bagi Muhammad Ashman Hakim Muhammad Abduh, 17, pada mulanya dia agak berdebar kerana bimbang berlaku kesan sampingan selepas mengambil vaksin.

Bagaimanapun katanya, selepas suntikan pertama di Dewan Tun Ali awal bulan lalu, tiada sebarang kesan sampingan dialami, malah teruja untuk melengkapkan dos kedua.

"Mula-mula memang 'nervous' tapi setakat ini tiada kesan sampingan, jadi saya rasa 'okay' sahaja," katanya.

Muhammad Syamir Sa-barudin, 17 turut meluahkan rasa sama namun sentiasa mengingatkan dirinya untuk berikhtiar melindungi diri sendiri dengan mengambil vaksin.

"Sebaik kerajaan umumkan remaja bawah 18 tahun diberikan vaksin, saya terus mendaftar diri dalam aplikasi supaya tidak mahu ketinggalan untuk melindungi diri," katanya.



**ADRIANA menunjukkan maklumat vaksinasi dos yang kedua yang diperolehinya.**

### MELAKA HARI INI

NO. TEL : 06 - 251 9314,  
06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN  
**MUHD RIZANIZAM  
ABDUL HAMID**  
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG  
**MOHD HAMZATUL  
AKMAR MID ZAKARIA**  
yondaim97@  
melakaharini.my

PENGARANG DIGITAL  
**MEOR RIDUWAN**  
meor78riduwan@gmail.com

JURUFOTO KANAN  
**AZREN JAMALUDIN**  
m.azren86@gmail.com

### WARTAWAN

**LIANA SAHABUDIN**  
lilyann90@melakaharini.my

**MOHD FAZRUL  
ABDUL MAJID**  
fazrul@melakaharini.my

**MOHD FAIZ ABU HASAN**  
faizhasan@melakaharini.my

**FARAH SUHAIDAH  
OTHMAN**  
farahothman@melakaharini.my

### REKABENTUK & GRAFIK

**AMBRAN MOHAMED**  
ambran@melakaharini.my

**MIMIE AZURA  
ABU BAKAR**  
mimieazura1981@  
melakaharini.my

**ZUL RAHIMI RAMLI**  
mk7.zul@melakaharini.my

### PEMASARAN

PENGURUS  
**MUHAMMAD HAMZI  
ROSNIANI**  
amz@melakaharini.my  
018 - 329 9936

### UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF  
**IZAIDA RAIHANAH IDRIS**  
izalihanah363@gmail.com

**SHARIFAH NORKHALIDAH  
SYED KHAIDZIR**  
khalidah@melakaharini.my

### MELAKA TV

KETUA  
**ASHALIA YUSOF**  
ashalialyusof@melakaharini.my

WARTAWAN PENYIARAN  
**MOHAMMAD FARIS HAIKAL**  
farishaiikalzakaria@  
melakaharini.my

PENYUNTING VIDEO  
**RABIAH OSMAN**  
osmanrabiah@melakaharini.my

JURUKAMERA  
**ISMAIL IBRAHIM**  
dakmail92@melakaharini.my

**AUFA IZZATI  
AHMAD ZAILANI**  
aufaizzati98@melakaharini.my

**AMIRUL RAMLI**  
amirul@melakaharini.my

# Melaka Sentral terima tempahan tiket dua kali ganda

Faiz Hasan

**PERINGGIT** – Tempahan tiket bas di Melaka Sentral meningkat dua kali ganda sebaik kebenaran merentas negeri dibuka sejak 11 Okt lepas.

Pengurus Besar Melaka Sentral Sdn Bhd, Abu Bakar Jani berkata, lonjakan penjualan tiket itu dijangka terus meningkat terutama pada hujung minggu dengan sasaran purata 180 perjalanan ke seluruh negeri.

Jelasnya, pada bulan lalu, pihaknya hanya merekodkan 728 perjalanan bas aktif dengan purata 24 perjalanan bas aktif sehari.

"Bagaimanapun rekod itu meningkat sebanyak 498 perjalanan bas aktif dalam tempoh 12 hari pertama Oktober dengan purata 16 perjalanan bas aktif sehari setakat jam 9 pagi hari ini (12 Okt).

"Jualan tiket bas ekspres di Melaka Sentral setakat dua hari sejak kebenaran merentas negeri

berkuatkuasa semalam mencecah sehingga dua kali ganda iaitu 3,744 tiket berbanding September hanya 5,597 tiket terjual bagi tempoh sebulan

"Jadi saya jangka menjelang hujung minggu ini jumlah 'trip' bas akan bertambah, mungkin boleh sehingga 180 'trip'," katanya ditemui MHI di pejabatnya di Melaka Sentral di sini, pada 12 Okt lalu.

Tambahnya, pelbagai persiapan telah dilaksanakan pihaknya sebagai persediaan sebelum banjiriran kemasukan pengunjung ke pusat perkhidmatan awam itu bagi memastikan keselamatan dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Pertama sekali memastikan semua penyewa dan kakitangan sudah lengkap dua dos vaksin selain pemeriksaan suhu.

"Malah, penumpang juga wajib menunjukkan sijil vaksin melalui MySejahtera sebelum membeli tiket," katanya.



ORANG ramai mula menggunakan perkhidmatan bas ekspres bagi meneruskan perjalanan antara negeri sebaik kerajaan membenarkan pergerakan merentas negeri bermula 11 Okt lalu.

## Mini Malaysia kembali 'bernafas'

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** – Sekian lama menyepi tanpa pengunjung Mini Malaysia & ASEAN Cultural Park (MMACP) diibaratkan seperti kembali 'bernafas' dengan kehadiran pengunjung bermula 11 Okt lepas.

Pegawai Pentadbirannya, Ainatul Mardhiah Roslan berkata pihaknya menjangkakan kebanjiran pengunjung akan ke taman rekreasi itu pada hujung minggu.

"Macam sebelum ini masa dibenarkan rentas daerah kita terima lebih kurang 50 pengunjung sehari pada hujung minggu.

"Tapi sekarang dah boleh rentas negeri, kita sasarkan seramai 200 pengunjung sehari pada hari Sabtu dan Ahad," katanya kepada MHI.

Ujarnya, setakat ini MMACP sedang mempergiat usaha menyelenggara taman rekreasi tersebut untuk keselesaan pengunjung.

"Buat masa ini kami masih membuat persediaan untuk menerima kedatangan pengunjung. Sekiranya nak masuk taman mini ini, kita perlu ikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan seperti lengkap dua dos vaksin.

"Persediaan sekarang dalam 70 peratus, kita masih lagi dalam proses penyelenggaraan termasuk menambahbaik infrastruktur rumah-rumah tradisional di sini," katanya lagi.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk menaiki kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV), kereta 'buggy' dan lain-lain.



KELIHATAN sebahagian pengunjung kanak-kanak menaiki ATV yang disediakan di MMACP pada 11 Okt lalu.



## JAWATAN KOSONG

ملاك هاري اين

MELAKA HARI INI

PENGARANG (ONLINE)

- 1 KEKOSONGAN

WARTAWAN

- 1 KEKOSONGAN

### SYARAT-SYARAT

#### PENGARANG (ONLINE)

- Kelayakan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam bidang berkaitan
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 4 tahun dalam bidang penulisan dan kewartawanan
- Berpengalaman sebagai editor 'online' sekurang-kurangnya 2 tahun
- Kebolehan di bidang komputer merupakan satu kelebihan

#### WARTAWAN

- Kelayakan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam bidang berkaitan
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman di bidang kewartawanan

PELUANG  
KERJAYA  
MENANTI ANDA!

MOHON  
SEKARANG!

Emel : pentadbiranmhsib@gmail.com  
Hubungi : 06-251 9314  
Tarikh tutup : 22 Oktober 2021

# Anti-vaksin jangan 'cuba nasib' masuk Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid  
FOTO MR Azli

**AYER KEROH** - Polis Melaka memberi amaran kepada individu tidak lengkap vaksin, termasuk mereka yang tergolong sebagai anti-vaksin agar tidak 'cuba-cuba' untuk masuk ke Melaka secara haram.

Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Razali Abu Samah berkata, walaupun kesemua sekatan jalan raya (SJR) telah ditutup di pintu sempadan negeri, namun ia bukan 'tiket' untuk golongan berkenaan sesuka hati memasuki negeri ini.

Sebaliknya, beliau memaklumkan, pihaknya akan membuat pem-

antauan dan pemeriksaan rambang, termasuklah menggerakkan anggota berpakaian preman di kawasan-kawasan tumpuan serta di SJR bergerak yang akan diadakan secara berkala bermula 11 lepas.

"Sejak tengah malam tadi, kita telah menguatkuasakan SJR bergerak selain menggerakkan anggota-anggota untuk membuat pemantauan secara rambang sama ada beruniform atau tidak.

"Inilah cara untuk kita memastikan hanya mereka yang mempunyai vaksinasi lengkap sahaja dapat masuk ke negeri ini yang terkenal sebagai negeri pelancongan.

"Sekiranya kita dapati tiada sijil

vaksinasi atau vaksinasi masih belum lengkap tempoh matang, kita akan terus mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," katanya dalam sidang media di Plaza Tol Ayer Keroh, pada 11 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Razali berkata, seramai 72 polis pelancong juga akan digerakkan di lokasi tumpuan pelancong bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) terus dipatuhi.

Jelasnya, antara lokasi yang akan menjadi tumpuan utama ialah di pusat bandar serta pantai-pantai peranginan yang mempunyai banyak chalet dan inap desa.



WALAUPUN SJR telah ditutup di pintu sempadan negeri, namun ia bukan 'tiket' untuk golongan berkenaan sesuka hati memasuki negeri ini.

## Rentas Melaka demi asam pedas

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** - Sebuah keluarga sanggup menempuh perjalanan lebih 130 kilometer dari Cheras, Kuala Lumpur ke Melaka semata-mata untuk merasai keenakan menu asam pedas.

Menurut ketua keluarga yang enggan dikenali, lebih 10 bulan menantikan mereka amat bersyukur apabila kerajaan membenarkan rentas negeri mulai 11 Okt lalu.

Justeru katanya, sebaik mendengar pengumuman

itu, dia terus merancang untuk membawa keluarga termasuk ibunya untuk berkunjung ke Melaka bagi merasai keenakan makanan ikonik itu.

"Kami sekeluarga bertolak dari Cheras pada jam 11 pagi tadi (11 Okt) sebelum tiba di Plaza Tol Ayer Keroh kira-kira dua jam kemudian.

"Memang kami sudah lama mengidamkan untuk merasai masakan asam pedas Melaka dan peluang rentas negeri dimanfaatkan sepenuhnya pada hari pertama.

"Kebetulan saya bercuti hari ini, jadi kami sekeluarga datang ke Melaka untuk menikmati keenakan masakan asam pedas," katanya ditemui pada pemeriksaan sekatan jalan raya (SJR) di plaza tol berkenaan.

Menurutnya, selain menikmati keenakan menu asam pedas, mereka akan bersiar-siar di sekitar Ban-

dar Melaka sebelum kembali ke Kuala Lumpur.

Terdahulu, Timbalan Ketua Polis Melaka Datuk Razali Abu Samah bersama Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik negeri, Superintendan Hasan Basri Yahya menjalankan pemeriksaan di SJR berkenaan bagi meninjau pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang membenarkan hanya individu lengkap dua dos suntikan vaksin merentas negeri.

Sementara itu, bagi Mohamad Fazly Somad, 26, pengumuman kerajaan rentas negeri amat dinantikan selepas lebih 10 bulan tidak dibenarkan keluar bebas dari kampung halaman di Simpang Renggam, Johor.

"Saya ambil cuti seminggu semata-mata hendak bercuti di negeri ini, biarpun seorang diri janji saya keluar sekejap untuk tenang fikiran," katanya.



AZMAN melihat minyak masak bersubsidi yang dirampas dalam serbuan di sebuah gudang dua tingkat di Rawang, Selangor, pada 11 Okt lepas.

## Sindiket seleweng 31.5 tan minyak masak bersubsidi tumpas

**KRUBONG** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi hasil serbuan di sebuah gudang dua tingkat di Bandar Bukit Beruntung, Rawang, Selangor, pada 11 Okt lepas.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, hasil serbuan kira-kira jam 11.30 pagi itu, pihaknya menemui 31.5 tan minyak masak bersubsidi yang ditempatkan di dalam 36 unit tangki fiber berkapasiti 1,000 liter setiap satu.

Menurutnya, sindiket berkenaan dipercayai telah beroperasi hampir dua bulan dengan mendapatkan bekalan minyak masak pekot sekilogram bersubsidi daripada beberapa pemborong berlesen sekitar Lembah Klang.

Katanya, minyak masak itu kemudiannya akan dilarai dan dikumpul di dalam tangki fiber sebelum dijual dengan harga yang lebih mahal (bukan bersubsidi).

"Dalam serbuan itu, kita turut menahan lapan pekerja asing warganegara Myanmar dan Thailand berusia 18 hingga 45 tahun untuk membantu siasatan.

"Kesemua mereka direman selama empat hari bermula hari ini (12 Okt) dan KPDNHEP masih menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan kepala sindiket atau pihak lain yang terlibat dalam rantaian ini.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM87,300," katanya dalam sidang media di Stor Eksibit KPDNHEP Melaka, di sini, pada 12 Okt lepas.

Azman berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barangan kawalan minyak masak dalam keadaan menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan minyak masak yang melibatkan urusan secara borong atau runcit tanpa lesen sah.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, dan RM3 juta bagi syarikat.

Justeru, beliau memberikan amaran tegas dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi kerana ia bukan sahaja akan menyebabkan ketirisan wang subsidi kerajaan bahkan boleh menyebabkan berlakunya gangguan bekalan.

"Tindakan tegas akan diambil di bawah peruntukan undang-undang sedia ada dan kita tidak menolak untuk melakukan siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUAA) 2001.

"Orang awam turut diminta memberikan kerjasama dalam usaha membanteras aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi ini dengan menyalurkan maklumat atau aduan secara terus kepada KPDNHEP," katanya lagi.



ANGGOTA polis yang bertugas memeriksa salah seorang pengguna jalan raya yang memasuki Melaka melalui Tol Ayer Keroh dalam pemeriksaan SJR, bagi meninjau pematuhan SOP yang membenarkan hanya individu lengkap dua dos suntikan vaksin merentas negeri.

# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Sumbangan kit kesihatan kepada PKRC, MITC

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**AYER KEROH** - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) merupakan agensi yang memainkan peranan dalam membantu mereka dan juga golongan yang terkesan sepanjang pandemik Covid-19 melanda di negeri ini.

Sumbangan kit keperluan kesihatan dan perubatan itu juga adalah insiatif tambahan yang dilaksanakan MAIM


bagi memberi kemudahan kepada pesakit-pesakit di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh.

Menurut Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud sebanyak 3,000 kit berkenaan yang di sumbang MAIM yang telah diedarkan sejak bermula Ogos lalu.

Katanya, MAIM akan sa-

lurkan sebanyak 550 kit itu pada setiap bulan dengan peruntukan berjumlah RM 186,000 yang mana ia mampu memberi kemudahan tambahan kepada pesakit-pesakit di PKRC berkenaan.

Jelasnya lagi, kit itu disalurkan secara berperingkat sehingga hujung tahun ini dan ia akan diteruskan sekiranya terdapat keperluan atau pertambahan jumlah pesakit COVID-19 di PKRC berkenaan.



MD Rawi bersama Muhammad Ikram meninjau situasi pesakit di PKRC MITC.



MD Rawi menyerahkan kit kesihatan dan perubatan kepada Pengarah PKRC Melaka, Dr Abdul Karim Abdul Rahman.

"Sehingga kini kita telah sumbang sebanyak 1,650 kit di PKRC MITC dan sumbangan itu akan kita teruskan setiap bulan sehingga penghujung tahun ini." katanya ketika ditemui selepas menyampaikan kit berkenaan untuk bulan ini di PKRC MITC.

"Kita juga berharap sumbangan ini dapat memberikan manfaat tambahan kepada pesakit kerana kita tahu ada juga yang dikuarantin tidak berkemampuan untuk membawa keperluan asas sendiri," katanya.

Hadir sama, Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim dan Pengarah PKRC MITC, Dr Abdul Karim Abdul Rahman.

Md Rawi turut menjelaskan, selain bantuan kepada PKRC, pihak MAIM turut bergerak aktif menyalurkan sumbangan kit makanan kepada rakyat Melaka yang terkesan sejak pandemik COVID-19 melanda.

Menurutnya, sebanyak 24,000 kit makanan kering telah disediakan sepanjang tempoh itu yang disalurkan terus ke pejabat JAPERUN, masjid dan persatuan penduduk.

"Selain itu, orang ramai juga boleh datang terus ke bilik gerakan MAIM sekiranya menghadapi kesukaran dan memerlukan sumbangan kit makanan sepanjang tempoh ini," katanya.



### LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka Facebook | facebook/maimmelaka



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim melakukan lawatan kerja ke ladang Rimbunan Kaseh bagi meninjau perkembangan semasa penanaman cili dan tanaman kontan lain bagi membantu pendapatan golongan asnaf di sekitar negeri ini. Ladang berkenaan telah beroperasi sejak tahun 2013 dan kini telah diurus oleh MAIM bersama anak syarikat MAIM Industries Sdn. Bhd.



AGIHAN ayam segar oleh Bilik Gerakan COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan QSR Brand Berhad serta Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Ayam segar tersebut diserahkan kepada beberapa buah masjid di sekitar negeri ini untuk diagih kepada mereka yang terkesan berikutan penularan wabak COVID-19.

# Perjuangan dakwah Rasulullah SAW menegakkan syiar islam

## Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.



**KEDATANGAN** bulan Rabiulawal 1443H amat besar maknanya dalam Takwim Islam. Dimana bulan tersebut merupakan kelahiran junjungan besar Rasulullah SAW pada 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571M Tahun Gajah.

Setiap tahun, pelbagai agensi turut serta dalam perarakan Maulidur Rasul sama ada sektor awam dan swasta bagi seluruh negeri di Malaysia. Walaubagaimanapun, perarakan ini tidak dapat dilakukan dari tahun 2020 dan 2021 disebabkan penularan pandemik COVID-19. Walaupun begitu, kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW seharusnya sentiasa berselawat ke atas Baginda sebagai memperingati kelahiran Baginda SAW.

Perjuangan dakwah Rasulullah SAW bermula di Kota Makkah selama hampir 13 tahun iaitu melalui dakwah secara rahsia selama 3 tahun, dakwah secara terbuka hampir 7 tahun dan dakwah kepada seluruh penduduk Makkah hampir 3 tahun. Selepas itu, Rasulullah SAW meneruskan dakwahnya di Kota Madinah hampir 10 tahun untuk menegakkan syiar Islam.

Baginda SAW berdakwah hampir 23 tahun di Kota Makkah dan Kota Madinah dengan melalui pelbagai cabaran, rintangan, cemuh, celaan dan penghinaan oleh kaum-kaum musyrikin. Perjuangan Baginda dalam menegakkan

syiar Islam tidak kira dari segi harta, jiwa, nyawa dan keluarga patut menjadi contoh dan teladan kepada semua umat Islam.

Pada zaman Rasulullah SAW, Baginda amat menitikberatkan perjuangan dakwah dalam menguruskan harta. Harta yang dimiliki perlulah diinfakkan ke jalan Allah SWT, terutamanya dalam pelaksanaan ibadah zakat demi menjamin kemaslahatan ummah.

Para sahabat Nabi SAW telah mewujudkan institusi baitulmaal sebagai pengumpulan wang zakat dan diagihkan kepada mereka yang berhak. Rasulullah SAW antara contoh teladan yang terbaik dalam pengurusan pembahagian zakat. Baginda SAW mengambil berat terhadap sistem agihan zakat bagi memastikan zakat yang dikutip diagihkan kepada golongan mustahik iaitu orang yang berhak menerima zakat. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah At-Taubah ayat 60; yang bermaksud: *"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datang-nya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT. Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."*

Pengurusan kutipan zakat yang diterima oleh Rasulullah SAW sangat teliti dan berhati-hati. Hanya golongan yang layak mengikut ketetapan Allah SWT yang akan menerima zakat bagi menunjukkan keadilan dalam pengagihan zakat. Rasulullah SAW semasa

“ Hanya golongan yang layak mengikut ketetapan Allah SWT yang akan menerima zakat bagi menunjukkan keadilan dalam pengagihan zakat. ”

mengutuskan Muadz ke Yaman, Nabi SAW berpesan kepada sahabat agar diajarkan kepada penduduk Yaman tentang zakat yang diagihkan kepada asnaf dimana tempat zakat itu dikutip. Ini bermakna Rasulullah SAW menegaskan agar wang zakat itu tidak dipindahkan kepada negeri lain: Sepertimana sabda Baginda SAW: *"Sesungguhnya Allah SWT memfardukan sedekah (zakat) ke atas harta mereka. Diambil daripada orang kaya di kalangan mereka dan dikembalikan kepada orang miskin di ka-*

*langan mereka." (HR Muttafaq Alaih)*

Semoga kita dapat mengikut jejak langkah Rasulullah SAW yang sanggup mengorbankan harta dan nyawa demi kemaslahatan ummah sekaligus menegakkan syiar Islam di seluruh dunia. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
- (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)





SERAHAN rumah kepada asnaf MAIM telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali baru-baru ini. Pembinaan rumah berkenaan disumbang oleh Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang mana tanah berkenaan merupakan tanah wakaf milik MAIM yang terletak bersebelahan Masjid Tangga Batu Pekan. Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud.



KETUA Seksyen Wakaf, Joriza Jauhari meraikan perwakafan tunai oleh pewakaf, Rokiah Mohd Tuit bagi tujuan pengimarahkan wakaf masjid, surau dan madrasah di sekitar negeri ini.



LAWATAN tanah dan kerja-kerja ukur di Lot 68 Mukim Sungei Baru Tengah, Daerah Alor Gajah, Melaka yang berkeluasan 0.57 ekar bagi tujuan tapak Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid Tok Janggut bersama Penolong Pegawai Tanah MAIM.



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

# SMART A+

## BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

- Perpaduan dan integrasi merupakan dua konsep yang saling berkait rapat melalui dua proses yang berbeza.  
Kedua-dua konsep berteraskan (m/s 140)  
I. Perpaduan Kaum  
II. Perlembagaan Persekutuan  
III. Rukun Negara  
IV. Pendidikan  
A. I dan II            B. II dan III  
C. III dan IV        D. I dan IV
- Apakah kesan Sistem Pendidikan a kibat dasar pentadbiran British di negara kita? (m/s 141)  
A. mengeratkan perpaduan rakyat  
B. mengukuhkan kedudukan raja  
C. mewujudkan perbezaan pemikiran di kalangan rakyat  
D. memartabatkan bahasa kebangsaan
- Usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional dilaksanakan secara konsisten.  
Susun secara kronologi langkah yang di laksanakan untuk memupuk perpaduan kaum dari aspek politik. (m/s 142)  
A. JPN - MAGERAN - RUKUN NEGARA            B. RM5 - DEB - DPN  
C. DPK - AKTA BAHASA - UKM                 D. LAPORAN RAHMAN TALIB - FPK
- Majlis Perundangan Negara  
Apakah yang menjadi isu hangat perbincangan Majlis berikut? (m/s 142)  
A. Raja berperlembagaan    B. Demokrasi  
C. Kemajuan ekonomi        D. Perpaduan Kaum
- Bagaimana kerajaan memupuk perpaduan melalui pendidikan? (m/s 143)  
A. Menutup sekolah vernakular  
B. Membuka sekolah vokasional  
C. Memperkenalkan Dasar Pendidikan Kebangsaan  
D. Membuka peluang pekerjaan baru
- Akta Pelajaran 1961 telah digubal berasaskan syor-syor Laporan Rahman Talib 1960. Apakah syor Laporan tersebut? (m/s 145)  
I. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.  
II. Kurikulum sama bagi semua jenis sekolah.  
III. Penekanan mata pelajaran Sains  
IV. Kursus Kemahiran diperkenalkan.  
A. I dan II            B. II dan III  
C. III dan IV        D. I dan IV
- Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa Kabinet 1974? (m/s 146)  
A. memperkenalkan dasar pendidikan kebangsaan.  
B. menilai keberkesanan bahasa kebangsaan.  
C. mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.  
D. menyemak dasar pendidikan kebangsaan.
- Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) Kurikulum Bersepadu Sekolah menengah (KBSM)  
Dasar Pendidikan yang memperkenalkan kurikulum tersebut adalah (m/s 146)  
A. Laporan Rahman Talib            B. Kajian Aminuddin Baki  
C. Laporan Jawatankuasa Kabinet    D. Penyata Razak
- Berikut merupakan langkah-langkah yang diambil untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi kecuali (m/s 148)  
A. penubuhan UPM sebagai pusat keilmuan  
B. pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan  
C. memperkasakan bahasa Melayu di sekolah  
D. peranan DBP sebagai pusat perkembangan bahasa.
- Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan berkuatkuasa pada 1 Julai 1971. Bagaimanakah usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu dilaksanakan? (m/s 148)  
I. Menggunakannya di mahkamah  
II. Menggunakannya dalam iklan  
III. Menutup sekolah vernakular  
IV. Melancarkan slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa'  
A. I dan II            B. II dan III  
C. III dan IV        D. I dan IV

- Apakah kesan pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan 1967? (m/s 148)  
A. Bahasa Melayu digunakan di mahkamah  
B. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka  
C. Bahasa Melayu wajib diajar di semua sekolah  
D. Kedudukan Bahasa Melayu semakin kukuh
- Mengapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan diperkenalkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan? (m/s 150)  
A. menamakan taat setia rakyat  
B. mengekalkan identiti negara  
C. menyemai semangat patriotik  
D. mencapai kedaulatan negara
- Prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah (m/s 150)  
I. unsur kebudayaan moden diterapkan  
II. kebudayaan rakyat asal menjadi tunjang  
III. unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima  
IV. unsur kebudayaan barat yang sesuai turut diterapkan  
A. I dan II            B. II dan III  
C. III dan IV        D. I dan IV
- Antara matlamat utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah (m/s 151)  
A. melahirkan penggiat seni  
B. mengendalikan program Citrawarna  
C. mempromosikan bidang pelancongan  
D. memperkukuhkan perpaduan bangsa
- Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali. Apakah kepentingan sukan tersebut kepada negara kita? (m/s 153)  
A. mengukuhkan hubungan negeri  
B. merupakan suntikan ekonomi  
C. memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional  
D. menyemarakkan semangat patriotik
- Apakah peranan anda sebagai seorang ketua rumah sukan yang terdiri daripada pelbagai kaum? KBAT  
I. Bersorak dan memberikan sokongan kepada semua atlet  
II. Bekerja sama dengan semua ahli supaya mencapai kejayaan  
III. Tidak mewujudkan semangat setia kawan dan berpasukan  
IV. Hanya mementingkan kemenangan sahaja.  
A. I dan II            B. II dan III  
C. III dan IV        D. I dan IV
- Sukan merupakan salah satu aktiviti kokurikulum yang penting di sekolah. Apakah tujuan utama Dasar 1 Murid 1 Sukan? (m/s 152)  
A. Melahirkan sukarelawan sukan  
B. Memupuk semangat setia kawan  
C. Mencapai markah kokurikulum yang tinggi  
D. Menceburi salah satu bidang sukan yang digemari

X

- Dibentuk selepas peristiwa 13 Mei 1969
- Bertujuan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan
- Merupakan susunan prinsip hidup masyarakat

Apakah X? (m/s 157)

- Majlis Amanah Rakyat
  - MAGERAN
  - Majlis Perundangan Negara
  - Rukun Negara
- Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara? (m/s 158)  
I. Memberi kebebasan mutlak  
II. Mencipta masyarakat yang adil  
III. Membina masyarakat yang progresif  
IV. Menamakan taat setia kepada negara.  
A. I dan II            B. II dan III  
C. III dan IV        D. I dan IV
  - Mengapakah rakyat Malaysia perlu menghayati prinsip Rukun Negara? (m/s 159)  
A. Memupuk semangat persaingan  
B. Asas kepada sistem demokrasi  
C. Memupuk perpaduan  
D. Menjamin keadilan

### JAWAPAN

- |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |
|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| 1.B  | 2.C  | 3.A  | 4.D  | 5.C  | 6.A  | 7.C  | 8.C  | 9.A  | 10.D |
| 11.D | 12.B | 13.B | 14.D | 15.C | 16.A | 17.B | 18.D | 19.B | 20.C |

# Polis buka 5 kertas siasatan individu hina pemimpin

**AYER KEROH** - Polis membuka lima kertas siasatan berhubung penghinaan dan mengeluarkan pernyataan jelik ke atas Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam serta beberapa pemimpin di negeri ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asistan Komisioner Azlan Abu berkata, satu kertas siasatan dibuka berhubung penghinaan terhadap Tun Mohd Ali yang dilakukan beberapa individu menerusi Twitter.

Menurutnya, siasatan dijalankan sebaik menerima laporan pada 7 Okt lalu dan polis telah menahan seorang lelaki dan perempuan berusia 21 dan 35 tahun di Melaka Tengah, mengikut Seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948/Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Katanya, polis turut merampas dua telefon bimbit milik kedua-dua suspek, bagaimanapun semakan mendapati mereka tiada rekod jenayah lampau.

"Seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948 memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara minimum tiga tahun atau



AZLAN

kedua-duanya sekali, manakala Seksyen 233 AKM 1998 memperuntukkan denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak kurang setahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

"Polis mengingatkan orang ramai supaya sentiasa beretika dalam membuat sebarang kenyataan di media sosial dan tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas individu di bawah kesalahan ini," katanya dalam kenyataan dikeluarkan.

Dalam kenyataan berasingan, Azlan berkata, empat kertas siasatan lagi dibuka berhubung kain rentang mengandungi gambar pemimpin politik

berserta perkataan-perkataan mengaibkan di Melaka Tengah dan Jasin.

"Tindakan awal telah diambil Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dengan menurunkan kain rentang tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 503 (B) Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata, polis memandang serius perbuatan seumpamanya kerana ia boleh membangkitkan kemarahan dan memecahkan keamanan awam.

"Polis juga menasihati masyarakat jangan sengaja mengaibkan pemimpin atau mana-mana orang, jangan membuat, menerbit atau mengedar apa-apa kenyataan, khabar angin atau berita yang boleh menyebabkan kegenteran kepada awam dan jangan tularan isu sensitif menggunakan media sosial.

"Tindakan tegas akan diambil ke atas individu yang terlibat dan saya berharap masyarakat sentiasa menyalurkan maklumat kepada pihak polis bagi membantu dan membanteras jenayah sebegini daripada terus berlaku," katanya.

## Jual emas, tapi sorok harga

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KOTA LAKSAMANA** - Padah tidak mempamerkan harga semasa jualan emas, dua kedai emas di Kampung Jawa, di sini, dikompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka.

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar berkata, kesalahan itu dikesan dalam Operasi Kedai Emas yang dijalankan pihaknya bermula 13 Okt lalu.

Katanya, dua premis berkenaan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) yang mana kertas siasatannya sudah dibuka dan boleh didenda sehingga RM50,000 jika sabit kesalahan.

Norena berkata, selain kesalahan tidak mempamerkan tanda harga, pihaknya turut memeriksa alat timbangan yang digunakan bagi memastikan tiada sebarang unsur penipuan dilakukan peniaga.

"Operasi kedai emas ini adalah satu inisiatif KPDNHEP Melaka untuk memastikan semua peniaga mematuhi undang-undang dan peraturan bagi mengelakkan penindasan kepada pengguna tatkala harga emas dunia sedang mengalami trend penurunan.

"Antara fokus utama pemeriksaan membabitkan alat timbangan emas yang perlu dikemaskini oleh semua pemilik premis setiap tahun.

"Orang ramai juga boleh datang ke pejabat kami di Tingkat Wisma Persekutuan MITC, Ayer Keroh yang dibuka setiap hari dan hanya perlu mengemukakan bukti-bukti penipuan untuk kita menjalankan siasatan"

"Selain itu mereka juga wajib mempamerkan tanda harga jualan di premis dan tag harga pada barang kemas yang dijual sekiranya tidak mahu dikenakan tindakan," katanya dalam sidang media selepas melakukan pemeriksaan di beberapa kedai emas sekitar Kampung Jawa, di sini, pada 13 Okt lepas.

Beliau turut menasihati pengguna agar tidak membeli barang kemas secara dalam talian susulan terdapat beberapa laporan membabitkan penipuan barang kemas yang dibeli pengguna di beberapa negeri.

Katanya, jika mengesan penipuan secara dalam talian atau di premis, pengguna boleh menghubungi Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) KPDNHEP Melaka di talian 06-2345869 atau melalui Whatsapp di talian 019-2794317.

"Orang ramai juga boleh datang ke pejabat kami di Tingkat Wisma Persekutuan MITC, Ayer Keroh yang dibuka setiap hari dan hanya perlu mengemukakan bukti-bukti penipuan untuk kita menjalankan siasatan," katanya lagi.

KADAR TETAP SERENDAH

**2.38%**  
setahun

PENDIDIKAN

PELABURAN

MENAMBAHBAIK RUMAH

## Nikmati tawaran hebat

Kempen Akhir Tahun Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit/i

Ansuran bulanan rendah

Kadar keuntungan menarik

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pengurus Wilayah Jasin (En. Azian Minhat 019 6567466)

Pengurus Wilayah Melaka Tengah (Pn. Rahimah Sulaiman 016 6292632)

Pengurus Wilayah Alor Gajah (En. Mohd Shahril Mohd Sharif 019 6303952)

Tempoh Pembiayaan Maksimum adalah 10 Tahun.

Nota: 2.38% kadar tetap untuk tempoh pembiayaan 3 tahun (bersamaan KA\* + 1.92%).

\*Kadar Asas (KA) BSN semasa ialah 2.60% (berkuat kuasa dari 15 Julai 2020).

Tempoh Kempen: 1 Oktober - 31 Disember 2021

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.



BSN

IMBAS DI SINI UNTUK KETAHUI LEBIH LANJUT



**Pekerjaan Kalam:****Communicating Literatures  
Across the Archipelago**

PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

**THE** nation's leading periodical on Literature is being distributed gratis beginning some years ago. *Dewan Sastera* is not sold in the market. It is placed (more of neglected) at the check-out counter at the Dewan Bahasa dan Pustaka bookshop (or Anjung DBP), for anyone to pick one.

This misplaced gesture only snubs the *pekerjaan kalam* of the most valuable part of Malay cultural heritage. The monthly which began in 1971, during the vibrant years of national literature "always in search for artistic discoveries and dynamic new thinking" (Sentiasa mencari serta menemukan hasil kesenian dan pemikiran baru yang dinamik), as stated in its portal, has tragically been trivialized (diremehkan).

When asked, the standard response was that *Dewan Sastera* "Tiada sambutan dari pembaca" (No response from readers). Tragic is an understatement. There are infinite ways to promote national literature to the nation, and throughout the region. I would delve more into this in a future column.

I am not a great fan of literature. But I know when I see a literary piece worth its salt. My schooling years at Penang Free School first got me reading the *Sejarah Melayu* and *Hikayat Hang Tuah*; also Arenawati's *Sandera*, and Pramoedya Ananta Toer's *Ateis*. The genius of Malay literature is just lost due to our apathy and ambivalence. The year 2004 saw the release of a much awaited work brilliantly examining concepts of literary creativity, poetics and aesthetics in traditional Malay literature. It is by London University's School of Oriental and African Studies scholar Vladimir Braginsky.

His book titled *A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views: The Heritage of Traditional Malay Literature* (2004) is a landmark in the scholarship. Braginsky, who earlier conceived and wrote its initial version in Russian, opens his Introduction on traditional Malay literature as *pekerjaan kalam* (the deed of the reed pen). That is the most valuable part of the cultural heritage of the Malays. By Malays, Braginsky refers to inhabitants of the Malay Peninsula, East Sumatra some areas of Kalimantan (Borneo) and other islands of the Malay Archipelago. He cites that the earliest vestiges of Malay literature are preserved in inscriptions carved on stone steles



**THE foundation of Malay culture is literature. If Bahasa Melayu, which for centuries have been both the means of communication within the Malay Archipelago.**

with characters of South Indian origin, and later works, mostly anonymous, in some 8,000 to 10,000 manuscripts in Jawi.

Braginsky significantly compares this with "their Javanese neighbours." Having assimilated Hinduism and Buddhism, the Javanese created magnificent architectural and sculptural monuments, and remarkable bas-reliefs. We can vividly see (and experience) this on the Borobudur. The Malays are also familiar with religious doctrines from India. According to Braginsky, unlike the Javanese, Malays in those areas mentioned can boast of modest achievements in the visual arts.

If in Javanese culture, "at the height of its fame the whole universe, and even literature itself, was understood as a beautiful temple," Malay culture "saw the Universe as a book, a work of literature." Malay cosmology came into being with the Sublime Pen on the Guarded Tablet. Malay authors like to quote Ibn al-'Arabi: "We were Lofty Letters yet unmoved/Attached to our Abode in the Highest Peaks." To the Malay worldview, literature is not just the creation of a scribe, but was "itself a scribe imprinting words on the 'sheet of memory,' thereby shaping human personality."

The foundation of Malay culture is literature. If Bahasa Melayu, which for centuries have been both the means of communication within the

**// Literature is the production and the consumption of the *pekerjaan kalam*. The custodians of more than a millennium of Malay letters must progress, not regress, in embracing national literature as integral to modern life and nationhood. //**

Malay Archipelago, and a vehicle of trade, culture and religious communication among the linguistically varied population in the region, the literature created in the Bahasa Melayu served as a medium through which literatures of the Archipelago could 'communicate.' It provided access to the Malay literary experience, as well as to other literatures, in particular Indian and Arabico-Persian. These connected Malay society with other "worlds of letters."

The role of the Archipelago in international and inter-insular trade, at least from the fifteenth century, allows us to assume that traditional Malay literature have been bifunctional, ethnic and inter-ethnic at the same time, as early as the Hindu-Buddhist period. Later, with Malay becoming one of the international languages of Islam, works in Malay were written from Aceh to the Maluku. Foreigners and sojourners also contributed to Malay literature. These were by Muslim missionaries and preachers.

As a result, traditional Malay literature (and Bahasa Melayu), became a common heritage of the peoples of modern Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, and the

Malay areas of the northern Malay peninsula/Southern Thailand. Braginsky resurrects it from having been 'buried' twice – first by German Malayist Hans Overbeck (1920s), then by British colonial administrator Richard Winstedt (1939), who spoke for the modern Malay that "...his old literature...has become dead as the leather puppets of the shadow-play when the lights of the theatre have been extinguished." Instead, Malay literature remains vibrant and vigorous.

The custodians of DBP must read Braginsky if they have not. If they have, re-read him in a new, vigorous perspective. Malay literature, if we to measure by the state of *Dewan Sastera* is not dead. It is always polysemic – ready to reveal to the reader a new facet of its meaning, hidden or unnoticed before, and to resume a dialogue with his/her persona. Traditional Malay literature is a living heritage, mirroring all aspects of Malay life – ideals, national characters, *budi* and beliefs.

We have to keep it alive by a variety of perspectives. Traditional Malay literature is for all; and certainly not only for "penyelidik, pensyarah univeriti

dan maktab, mahasiswa, calon gurue, pelajar menenngah tinggi dan peminat" (researchers, university and college lectures, teacher candidate, higher secondary school students and those interested), so says the portal. *Dewan Sastera*, in purveying and curating traditional and national literature, must strive its readership for every Malaysian citizen.

Literature is the production and the consumption of the *pekerjaan kalam*. The custodians of more than a millennium of Malay letters must progress, not regress, in embracing national literature as integral to modern life and nationhood.

**NEXT WEEK:  
PEMENANG**

**\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.**

# Di manakah 'harta karun' Pulau Nangka?

FOTO MR Azli

**BARU-baru** ini, sejarawan negara, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam mendakwa kebanyakan penemuan 'harta karun' di Pulau Nangka tidak sampai kepada Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

Ini sekali gus menimbulkan pelbagai persoalan dalam pemikiran kita, benarkah ada harta karun di sana?

Dr. Ramlah menerusi kenyataannya di portal Utusan pada 13 Okt lalu, menjelaskan ada pihak yang tidak amanah dalam menguruskan penemuan harta karun tersebut.

"Tidak dinafikan pada awal-awal usaha pencarian harta karun di Pulau Nangka ada hasilnya, namun kepingan duit syiling emas itu semua yang sepatutnya dibawa kepada Jabatan Muzium Melaka, tidak sampai atau senang kata, ada yang hilang.

"Usaha pencarian di pulau itu yang dibuat secara rasmi pada 2015 kemudiannya dihentikan apabila kita tidak lagi menemui sebarang harta karun," katanya.

Daripada apa yang disebut Dr. Ramlah, ini menandakan pulau misteri itu mempunyai harta karun seperti yang digembar-gemburkan suatu ketika dahulu.

Malah, beliau memberi pandangan, kerjasama pencarian harta karun tersebut memerlukan kos peruntukan yang tinggi, selain tenaga kepakaran yang mencukupi.

"Kita juga harus faham, usaha ini memerlukan perbelanjaan besar dan kebiasaannya mendapat tajaan syarikat luar negara yang berminat dengan cari gali harta karun.



"Kita mempunyai kepakaran untuk pencarian harta karun yang amat terbatas selain daripada jumlah dana yang juga terbatas.

"Itu antara faktor-faktor yang perlu difikirkan sebelum kita boleh mencari tempat pencarian harta karun yang baru melainkan terdapat syarikat luar yang berminat untuk menyediakan dana," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menegaskan kerajaan

negeri bakal mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha menjaga peninggalan warisan harta karun di Pulau Nangka.

Jelasnya, kehilangan harta karun jika berlaku adalah kerugian buat negeri bersejarah ini. "Pulau Nangka ni banyak kisah daripada dulu, jadi bagi saya kalau harta tu dah hilang, rugilah kepada Negeri Melaka.

"Jadi pihak yang berwajib perlu ambil perhatian perkara ini dah semak semula apa sebe-

narnya yang berlaku.

"Sebab benda ni dah berlaku sejak 10 hingga 15 tahun dulu. Saya akan mengambil tindakan dan melihat apa yang perlu dibuat," katanya.

Kebarangkalian untuk mengatakan wujudnya harta karun di Pulau Nangka, mungkin ada atau mungkin tidak, segalanya boleh dirungkai jika semua pihak termasuk golongan pakar bidang, berganding bahu bagi membongkar harta karun serta sejarah Pulau Nangka itu sendiri.



Serendah  
**RM50**  
Sahaja!!

PILIHAN RUANG  
PENGIKLANAN  
YANG BIJAK!



- AUTOMOTIF**  
Kereta  
Motosikal  
Trak  
Bas  
Lori
- HARTANAH**  
Perumahan  
Rumah Kedai  
Lot Tanah
- KERJAYA**  
Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan
- KLASIFIKASI AM**  
Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
Perabot
- NOTIS**  
Lelongan  
Guaman  
Kewangan  
Tender  
Notis Am

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini



DR. Shankar Gunarasa



# Penanda kanser (tumour marker) dalam saringan kanser ?



**TAHUKAH** anda dalam ujian saringan dan rawatan susulan kanser, selain dari ujian endoskopi dan CT scan, penanda kanser (tumour marker) adalah salah satu kajian yang juga akan di jalankan.

Apakah itu penanda kanser ini? Di dalam istilah perubatan tumour marker ini adalah kompaun sel protein yang dihasilkan oleh kanser tersebut. Bergantung kepada jenis kanser tersebut, kompaun ini dapat dijumpai di dalam darah.

## Pelbagai jenis penanda kanser yang ada, seperti

- \* Carcinoembrayonic antigen/CEA: selalunya tinggi pada kanser kolorektal
- Prostate specific antigen/PSA: selalunya tinggi pada kanser prostat
- \* CA 19-9: Selalunya tinggi pada kanser pankreas
- \* CA 15-3: Selalunya tinggi pada kanser payudara
- \* Alpha-fetoprotein/AFP: Selalunya tinggi pada kanser hati, germ cell kanser dan kanser buah zakar
- \* CA-125: Selalunya tinggi pada kanser ovari

Penanda kanser ini digunakan untuk beberapa sebab di dalam rawatan kanser. Bagi saya, saya sering menggunakan penanda kanser ini pada masa diagnosis kanser sebagai "baseline" rawatan dan juga semasa rawatan susulan atau "follow up". Antara tujuannya ialah untuk


- Screening
- Diagnosis
- Menguji keparahan kanser
- Prognosis
- Keberkesanan rawatan dan terapi
- Tetapi masyarakat perlu ingat, penanda

tumor ini hanya digunakan sebagai "adjunct" atau dijalankan dengan serentak dengan ujian lain seperti endoskopi dan CT Scan. Penanda ini TIDAK SEHARUSNYA digunakan 100 peratus untuk mendiagnosis dan mengesahkan seseorang itu menghadapi kanser atau tidak. Ini adalah kerana penanda kanser ini tidak mempunyai kejituatan (*specificity*) atau kepekaan (*sensitivity*) yang tinggi.

Oleh itu anda tentu tertanyakan apakah sebenarnya fungsi penanda kanser ini? Penanda tumor hanya sesuai digunakan untuk melihat sama ada rawatan kanser yang diberikan oleh doktor berkesan ataupun tidak dan juga untuk melihat kanser itu berlaku semula ataupun tidak (*recurrent cancer*). Itu lah sebabnya, ujian penanda kanser ini dilakukan di samping dengan rawatan endoskopi dan CT scan.

Sebagai contoh, jika seseorang mempunyai kanser usus, penanda tumor CEA diambil dan bacaannya kelihatan tinggi. Setelah pembedahan dibuat, doktor akan menguji darah untuk melihat tahap CEA. Sekiranya bacaannya semakin turun, maka pembedahan yang dibuat telah berjaya membuang kanser daripada badan pesakit tersebut. Jika masih tinggi, mungkin kanser sudah merebak ke tempat yang lain.

Interpretasi penanda kanser ini perlu dibuat oleh doktor yang merawat. Banyak promosi ujian ini boleh dilihat di makmal swasta, tetapi anda perlu mendapat nasihat yang sebenar dari doktor yang bertauliah. Oleh itu berhati-hati bila menginterpretasi bacaan penanda kanser ini. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang ujian penanda kanser ini, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**





ABDUL Halim ketika meninjau keadaan ladang jambu lohan miliknya.



ABDUL Halim mengutip hasil tanaman jambu lohan di ladangnya di Kampung Tengah Pulau Gadong.

## Raih pendapatan RM12,000 seminggu Tuah jambu lohan

Liana Sahabudin  
FOTO MR Azli

**PULAU GADONG** – Rasanya manis dan saiz buah yang besar menjadikan jambu lohan jenis GU16 mendapat permintaan tinggi daripada pengemar buah-buahan tempatan di seluruh negara.

Tanaman itu diusahakan anak tempatan Abdul Halim Abdullah, 45, yang dahulunya kontraktor telekomunikasi dan kini memiliki ladang jambu lohan seluas tiga hektar sejak dua tahun lalu.

Menurut Abdul Halim, ladang itu diusahakan di atas tanah yang disewa dengan bayaran RM4,200 setahun dan kini dia mampu menjana pendapatan kira-kira RM12,000 seminggu.

“Di Melaka yang jual jambu lohan jenis GU16 hanya saya seorang, bezanya jambu ini ia lebih manis dan lembut untuk dimakan.

“Kalau ikut secara mingguan pendapatan saya boleh mencecah RM8,000 hingga RM12,000 dan dalam seminggu saya akan jual satu hingga dua tan.

“Permintaan memang banyak, biarpun ada 1,000 pokok tapi pembeli runcit saja ada 23 orang, belum lagi permintaan pembeli luar dari Kuala Lumpur, Selangor, Klang, Perak dan Penang,” katanya ketika ditemui MHI di ladangnya, pada 12 Okt lepas.

Pada awalnya Abdul Halim memulakan bidang pertanian dengan tanaman fertigasi

seperti cili, timun dan terung sebelum beralih kepada tanaman konvensional seperti jambu lohan kerana modalnya lebih kecil, namun hasilnya lumayan.

“Saya asal kontraktor telekomunikasi, setelah berkecimpung dalam kontraktor saya bosan sebab banyak persaingan jadi saya berubah kepada pertanian yang mana pertanian pertama adalah (melalui teknik) fertigasi.

“Saya buat fertigasi sebanyak 4,000 polibeg tanaman cili, timun dan terung. Disebabkan kos tinggi dan harga sayur rendah, saya beralih kepada tanaman konvensional iaitu tanaman atas tanah, modalnya kecil tapi hasil besar.

“Selepas empat tahun saya berubah kepada tanaman buah-buahan (jambu lohan) sebab tidak perlu kerja pembersihan semula dan ia lebih mudah selain pendapatan lumayan,” katanya.

Abdul Halim berkata, beliau pernah mengalami kerugian apabila 200 pokok jambu lohannya rosak akibat serangan hama merah dan labah-labah merah.

“Kita tengok musim, sekiranya musim panas kebanyakan serangga macam hama merah dan laba-laba merah, tapi kalau musim hujan kulat terlalu kuat jadi kita perlukan racun untuk semburan.

“Pernah berlaku tanaman rosak dan 200 batang pokok diserang serangga, kos kerugian dalam RM4,000. Nasib baik buah masih boleh makan cuma pokok saja yang rosak,”



JAMBU lohan GU16 mendapat permintaan tinggi daripada pengguna dari seluruh negara.

katanya.

Katanya lagi, tanaman jambu lohan itu pernah mencecah berat sehingga empat kilogram sebiji, namun terpaksa diubah kepada saiz lebih kecil mengikut permintaan pembeli.

“Pernah sampai empat kilogram sebiji, tapi kita ada masalah dari segi jualan sebab kuasa membeli agak kurang.

“Jadi sekarang saya ada tiga bidang kebun, dua kebun saya buat ada jambu lohan dua kilogram, 1.8 kilogram dan 800 gram, satu lagi kebun buah besar saya jual kepada pemborong.

“Setakat ini saya jual jambu lohan RM5 sekilogram, sebab itu saya cadangkan peniaga kecil ni beli secara terus di kebun sebab harga lebih murah,” katanya lagi.

## Jambu lohan diangkat sebagai ikon baharu Melaka – Ghazale

**AYER KEROH** – Jambu lohan perlu diangkat sebagai ikon baharu produk pertanian Melaka untuk diperkenalkan di Malaysia.

Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Wira Ghazale Muhammad berkata ia termasuk mencadangkan jenama baharu jambu itu dengan menggunakan nama Melaka.

“Jambu lohan yang diusahakan di Pulau Gadong ini antara yang popular sekarang. Dua minggu lepas kita bawa produk-produk tani seperti ubi, keledak selain jambu lohan yang mendapat permintaan tinggi.

“Semalam (11 Okt) kita jumpa Ketua Menteri (Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali), jambu ini pun kita nak jenamakan satu lagi produk ikon Me-

laka dan kita cadangkan pada Ketua Menteri supaya dinamakan dengan nama Melaka.

“Contohnya Jambu Manis Melaka atau Jambu Melaka yang akan dipertimbangkan dalam masa terdekat,” katanya kepada MHI pada 12 Okt lepas.

Ujarnya, FAMA dan jabatan pertanian akan memasarkan hasil tani khususnya jambu lohan tersebut ke seluruh Melaka.



GHAZALE

# Medan ikan bakar kembali jadi tumpuan

Fiqa Jamal

**UMBAI** – Medan ikan bakar di Melaka kembali meriah dengan kehadiran pengunjung dalam dan luar negeri susulan kerajaan membenarkan aktiviti rentas negeri bagi

individu lengkap divaksin.

Tinjauan MHI di beberapa medan selera ikan bakar yang terkenal di negeri ini didapati meriah kedatangan pelanggan menjamu selera.

Pengurus Medan Ikan Bakar

Parameswara, Hasry Effandy, memberitahu kedainya 'diserbu' pada hari Isnin lalu selepas kerajaan mengumumkan kebenaran merentas pada hari 10 Okt lepas.

Katanya, ramai juga yang menghubungi untuk menempah

meja dan mereka kebanyakan dari luar Melaka.

"Alhamdulillah, kebenaran merentas negeri yang paling dinanti buat peniaga di Melaka ini, kerana kehadiran pelancong dan pengunjung luar antara yang menggamatkan suasana.

"Kami dapat panggilan untuk tempahan meja agak banyak, dianggarkan lebih 20 meja dalam masa tiga hari, selain itu ramai datang bersama keluarga yang saya kira sudah lama tidak bertemu disebabkan pandemik ini.

"Ini kerana ikan bakar merupakan hidangan seisi keluarga yang tidak sesuai dinikmati secara bungkus atau pandu lalu, sebaliknya ia lebih enak dinikmati ketika panas di kedai," katanya ketika ditemui di Medan Ikan Bakar Umbai.

Sementara itu di Medan Ikan Bakar Hj.Musa di Muara Sungai Duyong kelihatan pengunjung yang tidak putus-putus hadir menjamu selera.

Pengurusnya, Abdul Rahman



**ABDUL Rahman**

Musa berkata, dia dan pekerjaannya tidak menang tangan melayan pelanggan, biarpun restoran masih tidak dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Ujarnya, dia sangat bersyukur apabila ekonomi kembali dijana dan

sebak mengenangkan keadaan semasa pandemik 'menggana' apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

"Semasa PKP, larangan makan di kedai, ditambah tidak boleh merentas daerah dan negeri sebelum ini 'menjerut leher' kami yang mengharapkan pelanggan luar serta perantau yang balik bercuti di kampung.

"Selepas rentas negeri dibenarkan, alhamdulillah, kerusi dan meja di restoran tidak mencukupi sehingga ada pelanggan terpaksa menunggu giliran di luar kedai bagi mematuhi SOP," katanya.



**MEDAN** Ikan Bakar Parameswara di Umbai meriah dengan kehadiran pengunjung bersama seisi keluarga.



**TAMAN BUKIT CHENG**

**RUMAH TERES 2 TINGKAT DI BANDAR MELAKA**

dengan hanya

**RM 4xxK**

HAK MILIK KEKAL

**24 JAM  
SEKURITI**



\*T&C Applies

Waze Location:  
**Taman Bukit Cheng, Malacca**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**017-260 9003**

Sri Pengkalan Binaan Sdn. Bhd.  
17 A&B, Plaza Seri Kubu,  
Jalan Tan Chay Yan,  
75300 Melaka.  
[www.spb.my](http://www.spb.my)



SINCE 1981

# Rentas negeri 12,000 pengunjung bakal banjir Zoo Melaka

Fiqa Jamal

**AYER KEROH** – Lebih 12,000 pengunjung dari dalam dan luar negeri bakal membanjiri Zoo Melaka pada hujung minggu ini selepas kerajaan membenarkan pergerakan rentas negeri bermula 11 Okt lepas.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata jumlah itu meningkat dua kali ganda berbanding minggu sebelum ini iaitu seramai 6,000 pengunjung ke taman haiwan itu.

“Hari Jumaat hingga Ahad lalu kita rekod seramai 6,000 pengunjung dan jumlah ini dijangka berganda iaitu 12,000 pengunjung pada hujung minggu ini.

“Saya yakin, sebab Selasa minggu depan cuti umum jadi orang akan ambil cuti yang panjang untuk datang ke Melaka,” katanya kepada MHI.

Ujarnya pada masa sama pihak Zoo Melaka hanya membenarkan seramai 800 pengunjung memasuki taman haiwan itu pada satu-satu masa.

“Kami memang dah bersedia, cuma mereka kena faham prosedur operasi standard (SOP) yang kita se-



SITI Sapura (dua kiri) membawa cucunya Nurin Khadeejah Saffiya Ghafor,6, (kiri) bercuti ke Zoo Melaka.

diakan, kita benarkan hanya 800 pengunjung pada satu-satu masa.

“Bila kita dapati ada pengunjung yang datang tapi tak lengkap vaksin, kita tak benarkan masuk. SOP yang kita kenakan agak ketat demi kesejahteraan pengunjung,” katanya.

Sementara itu tinjauan MHI ke Zoo Melaka mendapati rata-rata pengunjung sudah mula mengambil peluang membawa keluarga masing-masing ke taman haiwan itu.

Pengunjung Rohayu Shahrudin,39, dari Seremban berkata anak-anaknya begitu teruja apabila

mendengar berita gembira itu.

“Rasa gembira sebab anak-anak dah lama duduk dekat rumah, jadi ini masa untuk kita bawak mereka jalan-jalan.

“Kami bertolak jam 9.15 pagi dan sampai sini kira-kira jam 11 pagi, Alhamdulillah segalanya berjalan



ROHAYU

lancar anak-anak pun semua seronok,” katanya.

Manakala Siti Sapura Yusof, 60, berkata dia sudah lama menantikan peluang itu untuk membuat kejutan membawa cucunya ke Zoo Melaka.

“Memang dah lama kita tunggu, rasa teruja terutama sekali cucu saya, kita memang tak beritahu sebab nak buat surprise.

“Dia suka sangat boleh katakan tiap-tiap tahun datang sini. Terkejut juga nampak perubahan Zoo Melaka yang semakin cantik,” katanya yang berasal dari Muar.





## HADIAH BERNILAI LEBIH RM30 JUTA

**MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!**

**En. Kamarul Bahari dari Melaka merupakan salah seorang daripada 13 pemenang Perodua Myvi melalui Cabutan Tempatan bulan Ogos 2021.**

**Anda juga berpeluang untuk menjadi salah seorang pemenang yang kami cari. Mulakan simpanan BSN SSP anda hari ini!**

Simpan minimum RM3,000 dengan BSN SSP dan anda berpeluang menjadi salah seorang jutawan melalui Cabutan Istimewa kami.

**Kempen tamat: 31 Disember 2021**

Saluran menyimpan:

-  Melalui cawangan BSN atau Ejen Bank Berdaftar (EB)
-  Melalui BSN ATM / CDM
-  Melalui [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

Tertakluk pada terma dan syarat.

# KBS sedia cari jalan bantu Hafizh

**KEMENTERIAN** Belia dan Sukan (KBS) bersedia mencari jalan terbaik bagi membantu pelumba Moto2 negara Hafizh Syahrin Abdullah yang memberi bayangan untuk meninggalkan Kejuaraan Motosikal Dunia pada penghujung musim ini.

Menterinya Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata jika atlet negara mempunyai masalah, KBS akan terlebih dahulu mendengar sebelum sedaya upaya memberikan pertolongan.

"Itu tanggungjawab kita, yang penting beliau juga kena berusaha dan perlu ada semangat, Insha-Allah kita akan dapatkan satu titik pertemuan untuk memastikan beliau terbela," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan rasmi ke Institut Sukan Negara (ISN) di sini, pada 14 Okt lepas.

Baru-baru ini, Hafizh yang mewakili pasukan NTS RW Racing GP mengakui tidak dapat melihat masa depannya berlumba pada musim 2022 disebabkan faktor kekangan kewangan kerana untuk beraksi beliau perlu mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi memenuhi tuntutan pasukan.

Beliau terdahulu memberi bayangan bersedia untuk menamatkan perjalanan kariernya selama lapan tahun dalam saingan Keju-

raan Motosikal Dunia menerusi hantaran di Instagram miliknya dengan menggamit perjalanan kariernya sejak 2014.


Dalam perkembangan berasingan, Ahmad Faizal berkata dalam tempoh yang singkat di Kementerian itu beliau bersama warga kerja KBS telah mewujudkan akaun satelit industri sukan.

Ahmad Faizal berkata ia kerana sehingga kini tiada data untuk menunjukkan betapa besarnya industri sukan negara.

"...dari segi pakaian sukan, pembuatannya, peralatan sukan, perniagaan dari segi fasiliti sukan dan sebagainya kita belum ada data lengkap," kata beliau.

Bercakap mengenai industri sukan, Ahmad Faizal berkata KBS mengalu-alukan penglibatan atlet atau bekas atlet untuk terlibat dalam memberi sokongan kepada industri itu serta meraih pulangan daripadanya.

"Saya tak nak atlet-atlet bila bersara meninggalkan terus bidang tersebut dan pergi ke bidang lain seterusnya memulakan kehidupan baharu. Kehidupan baharu dalam bidang yang sama boleh diteruskan kerana industri sukan itu cukup besar dan boleh beri pulangan yang banyak dari segi pendapatan," katanya. - BERNAMA



## Siasatan isu Ziyad selesai

**SIASATAN** dalaman berhubung pembatalan penyertaan dan kemenangan jaguh lontar peluru F20 (kecacatan intelektual) kebangsaan, Muhammad Ziyad Zolkefli pada Sukan Paralimpik Tokyo baru-baru ini, selesai dua hari lepas (Selasa).

Pengerusi jawatankuasa siasatan itu, Tan Sri Borhan Dolah memaklumkan pihaknya kini akan menumpukan untuk menyiapkan laporan penuh siasatan yang dijangka dapat dilengkapkan pada minggu ini.

"Alhamdulillah apa yang saya boleh rumuskan adalah siasatan pada Isnin (11 Okt) dan Selasa (12 Okt) lalu berjalan lancar. Kesemua 10 individu dipanggil memberi kerjasama yang amat baik dalam membantu siasatan kami.

"Pihak kami berpuas hati dengan bukti dikemukakan mereka dan tiada lagi individu tambahan akan dipanggil lagi selepas ini. Kesemua maklumat diperoleh sudah cukup bagi kami untuk menyiapkan laporan yang dijangka siap minggu depan (minggu ini)," katanya ketika dihubungi Bernama.

Antara individu dipanggil membantu siasatan jawatankuasa berkenaan adalah Muhammad Ziyad, jurulatihnya Mohd Faizol Harun dan Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) Datuk Seri Megat D Shahrudin Zaharudin.

Borhan yang juga bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menjangkakan kesemua hasil kerja mereka termasuk penyerahan laporan kepada Ke-

menterian Belia dan Sukan (KBS) akan dapat dilaksanakan sebelum hujung bulan ini.

Selepas laporan diserahkan, beliau berkata pihaknya akan berjumpa dengan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu pada satu tarikh sesuai bagi menerangkan dengan lebih lanjut siasatan termasuk syor dikemukakan untuk tindakan lanjut boleh diambil dan menjelaskan sebarang keraguan kepada KBS.

Sekiranya KBS tidak berpuas hati dengan siasatan dijalankan, Borhan memberi jaminan pihaknya sememangnya bersedia untuk melakukan siasatan tambahan bagi memuaskan hati kementerian mengenai isu menyelubungi pemenang emas Rio 2016 itu.

Muhammad Ziyad dinafikan sebagai pemenang pingat emas acara lontar peluru lelaki F20 dengan catatan lontaran sejauh 17.94 meter (m) yang juga rekod baharu dunia pada temasya sukan berprestij di Jepun itu.

Atlet berusia 31 tahun itu diklasifikasikan sebagai 'Did Not Start' (DNS) atau tidak memulakan saingan susulan protes dilakukan terhadapnya oleh pasukan Ukraine yang mendakwa Muhammad Ziyad lewat melapor diri di bilik menunggu sebelum pertandingan berlangsung.

Kontroversi melanda hari ketujuh temasya berprestij itu menyaksikan atlet Ukraine Maksym Koval diumumkan sebagai pemenang emas dengan lontaran 17.34m sekali gus memecahkan rekod dunia milik Muhammad Ziyad iaitu 17.29m yang dilakukan pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017 di London. - BERNAMA



**FRANCIS** laung amaran awal buat pasukan lain dalam saingan Piala Malaysia 2021 supaya tidak perlekehkan kemampuan pasukan Negeri Sembilan FC.



## Penyerang Negeri Sembilan FC laung amaran awal

**JANGAN** pandang rendah kemampuan kami, demikian amaran dilayangkan penyerang Negeri Sembilan FC, Francis Kone, kepada pasukan lain dalam saingan Piala Malaysia 2021.

Biarpun memulakan aksi kurang memberangsangkan dengan meraih tiga mata pada dua perlawanan lalu dalam Kumpulan C, pemain kelahiran Togo itu tidak mahu ramai memperlekehkan cabaran mereka dalam saingan Piala Malaysia.

Di atas kertas, ramai pemerhati menjangkakan naib juara Liga Super 2021, Kedah Darul Aman FC dan Melaka United FC akan mara dari kumpulan itu untuk ke suku akhir tetapi Kone

menganggap itu sebagai satu kelebihan buat juara Liga Premier 2021 kerana tidak diberikan sebarang tekanan dalam Kumpulan C.

Negeri Sembilan, katanya sudah tidak lagi berada dalam fasa berbulan madu selepas meraih kejayaan menjuarai Liga Premier musim ini dan akan cuba sedaya upaya mencipta kejutan di pentas TM Piala Malaysia.

"Pentas Piala Malaysia sangat berbeza buat kami kerana kebanyakan pasukan terdiri dari ramai pemain berpengalaman dan serta berkualiti tinggi. Kami sudah tidak boleh fikirkan lagi kejayaan menjuarai Liga Premier kerana cabaran di Piala Malaysia sangat hebat dan pasukan perlu berusaha keras jika mahu mencipta kejutan.

"Sebagai pemain, saya tidak mahu menjangkakan sesuatu yang tidak pasti kepada peminat Ne-

geri Sembilan namun kami berjanji akan beraksi habis-habisan dalam tiap perlawanan yang dilalui serta cuba mara sejauh mungkin pada saingan Piala Malaysia, jangan pandang rendah dengan kemampuan kami," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) baru-baru ini.

Bekas pemain Kuala Lumpur City FC itu meluahkan keterujaannya dengan kehadiran semula penyokong ke stadium sebaik aksi ketiga Piala Malaysia kembali bersambung pada 29 Okt.

Beliau berkata kejayaan menjulang Liga Premier 2021 baru-baru ini pastinya akan membantu melonjakkan kehadiran penyokong ke stadium selain percaya semangat rakan sepasukannya semestinya akan berbeza diiringi sorakan gamat penonton nanti. - BERNAMA

# Sukan

MELAKA HARI INI



**DILEMA HAFIZH SYAHRIN**

• Lihat muka 23

**SIASATAN ISU ZIYAD SELESAI**

• Lihat muka 23 ➡



**ADRIANO (tengah) dan Gomez (kiri) melaungkan azam untuk membantu Melaka mencipta sejarah mara ke final Piala Malaysia.**

# Melaka United lebih rakus!



**Mohamad Fazrul Abdul Majid**  
FOTO Melaka United FC

**PEMAIN** Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) melaungkan keyakinan mampu melangkah jauh dalam saingan Piala Malaysia 2021 selepas berjaya meraih dua kemenangan berturut-turut dalam aksi peringkat kumpulan.

Pemain tengahnya, Adriano Narcizo menyifatkan rentak positif itu mencebarkan peluang pasukan untuk mara ke suku akhir.

Namun, baginya, fokus utama skuad Hang Tuah kini lebih terarah untuk melangkah ke final buat pertama kali dalam sejarah.

"Keseluruhan pasukan lebih yakin dan bersemangat selepas bermula baik dalam dua aksi awal peringkat kumpulan.

"Misi saya untuk saingan kali ini ialah mara ke final, tetapi saya percaya bukan hanya saya, tetapi semua pemain juga mahu perkara yang sama.

"Jika kami mampu mengekalkan rentak dan keinginan untuk menang, saya yakin sasaran itu mampu dicapai," kata pemain import kelahiran Brazil itu.

Nada sama turut disuarakan rakan senegarannya, Giovane Gomes yang bertekad untuk memberikan yang terbaik bersama pasukan bagi menghadapi baki perlawanan peringkat kumpulan.

Dia yang beraksi di posisi penyerang,

memasang impian untuk menamatkan badi tanpa jaringannya dalam usaha membantu Melaka United mencipta satu sejarah baharu dalam saingan piala tertua Malaysia itu.

"Kami kini semakin dahagakan kejayaan dan sekarang kita semua dapat melihat Melaka United lebih kuat dan bersemangat.

"Saya berjanji untuk terus bekerja keras dan melakukan tugas yang baik iaitu

dengan menjaringkan gol buat pasukan," katanya.

Untuk rekod, Melaka United kini muncul pendahulu kumpulan C Piala Malaysia 2021 dengan mencatat dua kemenangan dalam dua aksi pembukaan.

Ia selepas skuad bimbingan Zainal Abidin Hassan menewaskan Negeri Sembilan FC 2-0 dan Kedah Darul Aman FC 3-1 pada aksi yang berlangsung 27 dan 30 September lalu.

**AKSI Adriano (kanan) dalam sesi latihan Melaka United.**



**KUMPULAN C**

	P	GD	PTS
1  MELAKA UNITED FC	2	4	6
2  KEDAH DARUL AMAN FC	2	1	3
3  NEGERI SEMBILAN FC	2	-1	3
4  KELANTAN UNITED FC	2	-4	0



**JADUAL PERLAWANAN**

**29 Oktober | 9.00 malam**  
Stadium Hang Jebat

MELAKA UNITED FC vs KELANTAN UNITED FC

www.melakahariini.my | Melaka Hari Ini | Melaka TV  
Grafik : Melaka Hari Ini | Sumber : (Facebook) Melaka United Football Club